



MUTIARA BERITA

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sarawak Federation of Women's Institute (SFWI)



Bil. 146 Januari - Disember 2025



Semua peserta program menyokong Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada setiap 25 November



Ahli-ahli dari Perkumpulan Sri Arjuna yang turut hadir memeriahkan program



Para pelajar dari sekolah di sekitar P.193 Santubong turut dijemput hadir bagi mendengar perkongsian daripada penceramah jemputan



Tetamu Kehormat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melancarkan Program Gempak Inspirasi @ PPWS

PROGRAM GEMPAK INSPIRASI BERSAMA PPWS 16 OGOS 2025 DEWAN SABATI, PETRA JAYA, KUCHING

Program "Gempak Inspirasi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)" merupakan sebuah inisiatif yang bertujuan untuk menyemarakkan semangat wanita Sarawak dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk keusahawanan, kepimpinan, pendidikan, dan kesiapsiagaan dalam membina kesejahteraan keluarga.

Melalui program ini, PPWS berhasrat untuk menyuntik inspirasi kepada komuniti wanita agar terus berdaya saing, berkeyakinan dan mampu menyumbang secara aktif kepada pembangunan masyarakat dan negeri.

"Gempak" menggambarkan suasana yang meriah dan penuh tenaga positif, manakala "Inspirasi" melambangkan semangat membangkitkan potensi serta memperkasakan wanita daripada pelbagai latar belakang.

Dengan pengisian program-program seperti perkongsian dan pendedahan ilmu, kisah kejayaan, bengkel kemahiran, pameran produk usahawan wanita, dan sesi motivasi, adalah dihasratkan program dapat menjadi platform dan inspirasi untuk membina jaringan, memperkukuh solidariti dan mencetuskan perubahan yang berkesan dalam komuniti wanita di seluruh Sarawak.



Tetamu Kehormat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melancarkan Program Gempak Inspirasi @ PPWS

**LAWATAN MESRA KE RUMAH SERI
KENANGAN SEMPERA TAHUN BARU CINA
23 JANUARI 2025
KUCHING, SARAWAK**

Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS telah mengadakan Lawatan Mesra ke Rumah Seri Kenangan sempena perayaan Tahun Baru Cina, sebuah pusat jagaan warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh nilai kebajikan dan keprihatinan sosial dalam kalangan ahli.

Lawatan ini bertujuan untuk menyantuni penghuni Rumah Seri Kenangan serta memberi sokongan moral kepada mereka. Sepanjang program, ahli PPWS berpeluang berinteraksi secara langsung dengan warga emas, mendengar kisah pengalaman hidup mereka, dan menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian. Aktiviti santai seperti sesi nyanyian bersama turut diadakan bagi menceriakan suasana.

Pengerusi JKK Sosial dan Rekreasi Sesi 2023-2024, Puan Norjanah binti Haji Razali menyatakan bahawa program ini bukan sahaja memberi peluang kepada ahli untuk berbakti kepada masyarakat, tetapi juga mengingatkan kita tentang pentingnya menghargai generasi terdahulu yang telah banyak berjasa. Para penghuni Rumah Seri Kenangan pula menyambut baik kehadiran rombongan PPWS dan menzahirkan rasa gembira atas perhatian yang diberikan.

Lawatan ini mencerminkan komitmen PPWS dalam melaksanakan aktiviti sosial dan rekreasi yang bermanfaat, sekaligus memperkukuh hubungan silaturahim antara ahli dengan komuniti setempat.



Ahli JKK Sosial dan Rekreasi bersama Pengetua Rumah Seri Kenangan



Sesi perbincangan PPWS bersama Dr Keeren Sundara Rajoo dari UPMS



Peserta Bengkel sedang berbincang dalam tugas aktiviti kumpulan



Puan Jacqueline, Penceramah Jemputan sedang memberi penerangan kepada peserta bengkel

**BENKEL PENGUCAPAN AWAM
BERKESAN
21 FEBRUARI 2025
HOTEL SERAPI, KUCHING**

PPWS telah menganjurkan Bengkel Pengucapan Awam Berkesan yang bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri dalam kalangan peserta. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Jacqueline David Impi, seorang jurulatih berpengalaman dalam bidang kewartawanan, pengucapan awam dan pembangunan personaliti.

Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan dengan teknik asas dan lanjutan pengucapan awam, termasuk cara mengawal suara, bahasa tubuh, serta strategi menyampaikan mesej dengan berkesan kepada audiens. Puan Jacqueline turut berkongsi pengalaman beliau serta memberikan latihan praktikal yang membolehkan peserta mengaplikasikan kemahiran secara langsung.

Penganjuran bengkel ini selaras dengan usaha PPWS untuk memperkasa ahli melalui program pembangunan diri dan kemahiran insaniah. PPWS percaya bahawa penguasaan pengucapan awam yang berkesan adalah aset penting dalam kerjaya, kepimpinan, dan kehidupan seharian.

Peluang ini dapat memberi pendedahan kepada belia muda tentang peranan PPWS di Negeri Sarawak sejak penubuhan NGO ini sejak 6 dekad yang lalu.

MESYUARAT PERWAKILAN INDUK PPWS SESI 2025-2026 22 FEBRUARI 2025 HOTEL SERAPI, KUCHING

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah melaksanakan Mesyuarat Perwakilan Induk bagi Sesi 2025-2026 dengan menghimpunkan wakil-wakil daripada Cawangan PPWS seluruh negeri Sarawak bagi membincangkan hala tuju, dasar, serta pelan strategik organisasi untuk tempoh dua tahun akan datang.

Antara agenda utama mesyuarat termasuklah pembentangan laporan aktiviti dan kewangan, pemilihan barisan kepimpinan baharu, serta perbincangan mengenai program pembangunan wanita yang akan dilaksanakan. Mesyuarat turut menekankan kepentingan memperkukuh jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, dan komuniti setempat bagi memastikan peranan PPWS terus relevan dan berkesan.



Jawatankuasa Induk PPWS Sesi 2025-2026 bersama YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS



Ikrah Integriti dibaca oleh Jawatankuasa yang baru dipilih



Delegasi Perwakilan yang hadir dari Sibu/Sarikei/Kapit dan Miri/Bintulu

Di sebelah petang pula, perkongsian membuat sabun cecair pinggan mangkuk dan membuat pewangi herba turut diadakan untuk perkongsian ilmu bersama delegasi perwakilan.



Puan Zaleha Arfan, ahli Perkumpulan Green sedang menunjuk cara membuat sabun cecair pinggan mangkuk



Puan Rabiah Dris, ahli Perkumpulan PERGUWANIS sedang memotong daun-daun herba untuk dijadikan sebagai pewangi bilik

**PROGRAM AGIHAN BUBUR LEMAK
SARAWAK DAN BUBUR PEDAS
SARAWAK
3 MAC 2025
BANGUNAN KOPERWANIS, METROCITY**

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak (KOPERWANIS) telah menganjurkan Program Agihan Bubur Lemak Sarawak sebagai usaha memperkukuh semangat kebersamaan dan mempererat hubungan dengan masyarakat setempat.

Program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan), Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali. Beliau hadir untuk merasmikan majlis tersebut. Kehadiran beliau memberi suntikan semangat kepada para peserta dan sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan program kebajikan ini.

Agihan Bubur Lemak Sarawak dan Bubur Pedas Sarawak diagihkan kepada komuniti sekitar termasuk di surau-surau untuk juadah berbuka puasa sebagai tanda penghargaan dan sokongan PPWS terhadap masyarakat. Selain itu, program ini turut menjadi wadah untuk memperkenalkan keunikan masakan tradisional Sarawak kepada generasi muda, di samping menggalakkan budaya memberi dan berkongsi rezeki.

Usaha sebegini bukan sahaja mengukuhkan peranan wanita dalam pembangunan sosial, tetapi juga memperlihatkan komitmen PPWS dan Koperasi dalam memperkasa komuniti melalui aktiviti kebajikan dan rekreasi. Ia sekaligus mencerminkan semangat gotong-royong dan kepedulian sosial yang menjadi teras perjuangan PPWS.



Sesi memasak Bubur Lemak Sarawak dan Bubur Pedas Sarawak oleh ahli PPWS



Penyediaan memasak Bubur Lemak Sarawak dan Bubur Pedas Sarawak dilakukan secara bergotong-royong



Tetamu Kehormat mengacau Bubur Lemak Sarawak sebagai simbolik Majlis Perasmian sambil diperhatikan tetamu yang lain



Tetamu Kehormat bersama ahli KOPERWANIS dan PPWS di Shoppe KOPERWANIS bertempat di Metrocity, Kuching

MAJLIS MESRA SEMPERA HARI PPWS 2025
4 MEI 2025
RUANG AKTIVITI, IBU PEJABAT PPWS, KUCHING

Majlis Mesra Sempena Hari PPWS 2025 bertemakan PPWS: Wadah Wanita, Tonggak Kelestarian telah diadakan di Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching.

Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS telah menyampaikan amanat sempena Hari PPWS 2025. Bacaan tahlil turut diadakan untuk memperingati ahli-ahli PPWS yang telah tiada dan juga bacaan doa untuk merahmati Hari PPWS 2025.

Majlis diadakan secara sederhana dan dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Induk PPWS 2025-2026, Ahli Seumur Hidup PPWS dan Pengerusi dari PPWS Cawangan Kuching/Samarahan, Pengerusi PPWS Daerah Kuching dan Pengerusi Perkumpulan dalam kawasan Kuching.



Sesi pemotongan pulut kuning sempena Hari PPWS



Tetamu yang hadir memeriahkan Majlis Hari PPWS

BENGKEL JAHITAN JUBAH
18 MEI 2025
KOLEJ KOMUNITI, KUCHING



Ahli-ahli PPWS sedang mengaplikasikan secara praktikal menjahit jubah selepas mendengar penerangan secara teori oleh guru jahitan

Seramai lima belas (15) orang ahli PPWS telah terpilih untuk mengikuti Bengkel Jahitan Jubah yang dianjurkan bersama oleh PPWS dan Kolej Komuniti Kuching. Bengkel ini telah berlangsung selama dua (2) hari. Kursus ini dianjurkan secara percuma dan khusus untuk peserta dari PPWS, memberi peluang kepada mereka untuk memperoleh pendedahan baharu dalam bidang jahitan dan fesyen.

Peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek penting dalam pembuatan jubah, termasuk membuat pola, menjahit, serta mempersiapkan perincian dan perhiasan pakaian. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi ini diharap dapat dimanfaatkan bukan sahaja untuk pengembangan diri tetapi juga berpotensi menjana sumber pendapatan bagi diri dan keluarga.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen PPWS dalam membangunkan wanita, khususnya ahli-ahlinya, melalui kerjasama strategik dengan rakan strategik seperti Kolej Komuniti. PPWS akan terus berusaha mengadakan program seumpama ini bagi memperkasa wanita melalui kemahiran praktikal yang berdaya guna.

LAWATAN PERKUMPULAN KAMPUNG SESSANG, SARATOK KE IBU PEJABAT PPWS 1 JUN 2025 KUCHING, SARAWAK



Kunjungan PPWS Sessang ke Ibu Pejabat pada 01/06/2025 jam 9.00 pagi



Ucapan penghargaan daripada Setiausaha Perkumpulan Kampung Sessang, Saratok kepada pihak Ibu Pejabat PPWS, Kuching kerana menerima rombongan mereka melawat bangunan Ibu Pejabat PPWS

Lawatan Perkumpulan Kampung Sessang, Saratok telah hadir ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching berjumpa dengan Pengerusi Negeri PPWS, Bendahari PPWS, Exco Cawangan PPWS Sri Aman serta Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Kuching.

Seramai 37 orang ahli PPWS dari Perkumpulan Kampung Sessang telah tiba ke Kuching pada 30 Mei 2025 dan akan berangkat balik ke Saratok pada 1 Jun 2025.



Ucapan Aluan disampaikan oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS



Demonstrasi kek oleh Puan Zubaidah Bahasim



Rombongan dari Perkumpulan Kampung Sessang, Saratok



Perkongsian membuat Kek Coklat Lapis Keju telah ditunjuk ajar oleh Puan Zubaidah Bahasim, Ahli Perkumpulan Green, Kuching

SESI PENGHARGAAN OLEH HRDCORP KEPADA PPWS DALAM NATIONAL TRAINING WEEK (NTW) 2025
15 JUN 2025
AEON MALL, KUCHING



Puan Tuty Bujang, Ketua HRDCorp Wilayah Sarawak bersama Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS bersama-sama memotong kek sempena National Training Week (NTW) di bawah inisiatif HRDCorp



PPWS menerima penyerahan buku untuk sumbangan kepada sekolah terpilih di Sarawak untuk program SFWI Care & Share



Penyampaian Sijil Penghargaan kepada PPWS oleh Encik Husny Mubarak, Ketua HRDCorp Kuching



PPWS bersama HRDCorp di AEON Mall, Kuching selepas acara perasmian

PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH
20 JUN 2025
PUSA, SARAWAK

Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi yang dipengerusikan oleh Puan Hasmah Sauni Samat telah mewakili PPWS menyerahkan sumbangan buku kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Tambak dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pusa. Turut bersama rombongan JKK Sosial dan Rekreasi ialah Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Media dan Publisiti merangkap Exco PPWS Cawangan Sri Aman.

Terima kasih atas sambutan dari kedua-dua sekolah menerima rombongan PPWS terutama kepada Encik Ahmad Tarmizi, Penolong Kanan SK Tambak dan Encik Saini Bakar, Pengetua SMK Pusa.

Program sumbangan buku oleh PPWS ini bukan sahaja membantu pelajar mendapatkan bahan bacaan, malah turut menyemai semangat cintakan ilmu. PPWS berharap agar program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan kerjasama pelbagai agensi dan orang awam.



Penyerahan sumbangan buku kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Tambak



Penyerahan sumbangan buku kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pusa

PROGRAM KOMUNITI “HANDS OF HOPE, HEART OF STRENGTH”

21 JUN 2025

KAMPUNG ANNAH RAIS



Aktiviti penanaman pokok

Pelaksanaan Program Hands of Hope, Heart of Strength telah berlangsung dengan jayanya di Kampung Annah Rais Longhouse, Padawan, Kuching, anjuran The Connectors (Pelajar Kod Kursus EVM490 – Organizing Events & Practices, Program BA262) dengan kerjasama Perkumpulan Annah Rais (PPWS) dan Persatuan Wanita UiTM Cawangan Sarawak (PEWANI).

Program ini melibatkan hampir 30 orang pelajar UiTM dan bertujuan memperkasa komuniti melalui pelbagai aktiviti berfaedah, antaranya:

1. Knowledge Transfer & Business Skills Talk
2. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
3. Home Deco Competition – Recycle Items
4. Penanaman Pokok
5. Gotong-royong mengecat jambatan rumah panjang

Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh Encik Joda anak Mamung, Ketua Kampung Annah Rais, bersama wakil pengurusan UiTM Sarawak, wakil Persatuan PEWANI, dan Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan, Puan Bena Patuq.

Program ini berjaya menyatukan pelajar, komuniti setempat dan ahli PPWS dalam usaha memperkukuh kerjasama komuniti, membina kemahiran, serta memupuk kesedaran sosial dan alam sekitar di kalangan peserta.



Aktiviti gotong - royong mengecat jambatan rumah panjang Annah Rais.



Aktiviti mewarna kategori kanak-kanak turut diadakan.

PROGRAM “JOURNEY FROM SCRAPS TO SOIL” PERKASA KESEDARAN ALAM SEKITAR ANJURAN PPWS DAN UITM SARAWAK

22 JUN 2025

RUANG AKTIVITI, IBU PEJABAT PPWS, KUCHING

Program “Journey From Scraps To Soil” yang dianjurkan oleh HGD133 Community Service B (DEG) SM2 telah berlangsung dengan jayanya melalui kerjasama bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS). UiTM Sarawak serta National Training Week - HRDCorp.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa makanan dan amalan kitar semula melalui pendekatan kreatif dan praktikal. Peserta didedahkan kepada konsep menukar sisa dapur kepada baja kompos, selaras dengan usaha memupuk gaya hidup lebih lestari dan mesra alam.

Penyertaan PPWS dalam program ini mencerminkan komitmen berterusan pertubuhan dalam menyokong inisiatif pembangunan komuniti, khususnya yang melibatkan pendidikan alam sekitar dan kelestarian. Melalui kerjasama ini, PPWS berharap lebih ramai wanita dan keluarga di Sarawak dapat mengamalkan pengurusan sisa yang bijak dan memberi sumbangan positif kepada persekitaran.



Para peserta sedang secara praktikal membuat baja kompos selepas sesi taklimat disampaikan



Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS menyampaikan Kata Aluan sempena program ini

**PROGRAM PEMERKASAAN LAWA
KEMAHIRAN SENI KREATIF: GELANG ATAS
BAJU
24 JUN 2025
BILIK SEMINAR PPWS, KUCHING**

Program Pemerksaan Lawa Kemahiran Seni Kreatif: Gelang Atas Baju ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 36 orang ahli PPWS dari sekitar Kuching dan Samarahan.



Peserta program sedang tekun menjahit sulaman

Program ini dianjurkan bersama PPWS dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sebagai usaha memperkasa wanita melalui kemahiran seni kreatif yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan diri, menjana pendapatan, serta melestarikan seni tradisi tempatan. Peserta didedahkan kepada teknik menghasilkan gelang atas baju yang memerlukan ketelitian dan kreativiti, sekali gus meningkatkan apresiasi terhadap seni kraf halus.



Tenaga pengajar dari Sabah (tengah) sedang memberi tunjuk ajar cara sulaman kepada peserta program

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen PPWS dalam menyediakan platform pembelajaran dan pembangunan kemahiran yang relevan untuk para ahli, agar mereka terus berdaya saing dan dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan seharian dan komuniti.



Contoh Sulaman Gelang Atas Baju yang dihasilkan oleh salah seorang peserta



Ahli-ahli PPWS termasuk kakitangan PPWS tekun mendengar taklimat disampaikan oleh Pegawai ROS

**SESI TAKLIMAT ROS BERKENAAN
PENGENDALIAN SISTEM EROSES
UNTUK PERKUMPULAN DAN DAERAH
9 JULAI 2025
BILIK SEMINAR, IBU PEJABAT PPWS,
KUCHING**

Satu sesi taklimat bersama Pegawai Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sarawak (ROS) telah diadakan bagi memberi panduan kepada Perkumpulan dan Daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan mengenai pengendalian pendaftaran serta pengurusan rekod melalui sistem eRoses.

Taklimat ini bertujuan memperkukuh kefahaman dan kemahiran para pemimpin Perkumpulan dalam memastikan segala urusan pendaftaran, kemaskini rekod, dan pelaporan organisasi dijalankan dengan teratur, mematuhi garis panduan semasa, serta memanfaatkan sepenuhnya kemudahan digital yang disediakan oleh ROS.

Melalui sesi ini, peserta berpeluang mendapatkan penjelasan secara langsung berkenaan prosedur pendaftaran, fungsi utama eRoses, serta langkah-langkah penting dalam memastikan pematuan undang-undang di bawah Akta Pertubuhan.

PPWS amat menghargai kerjasama dan sokongan berterusan daripada ROS dalam membantu mempertingkatkan tadbir urus organisasi di peringkat akar umbi, sekaligus memperkukuh profesionalisme dan kecekapan pertubuhan wanita di Sarawak khususnya PPWS.

KELAS SULAMAN KERINGKAM PPWS-CENTEXS SANTUBONG 2 - 3 OGOS 2025 CENTEXS SANTUBONG

Kelas Sulaman Keringkam anjuran bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan CENTEXS Santubong diadakan untuk memberi latihan intensif selama dua (2) hari serta memberi peluang kepada peserta mempelajari asas serta teknik sulaman keringkam secara lebih terperinci dan terarah.

Kelas ini dihadkan kepada sepuluh (10) orang ahli PPWS yang dikenal pasti berpotensi untuk menjadi penyulam keringkam masa depan, sekaligus berperanan sebagai pelapis dalam usaha mengekalkan kesinambungan serta kelestarian seni keringkam, salah satu warisan halus yang sangat bernilai dalam budaya Melayu Sarawak.



10 orang ahli PPWS yang dikenal pasti berpotensi untuk menjadi penyulam keringkam pada masa depan

Penganjuran kelas ini mencerminkan komitmen PPWS dan CENTEXS Santubong dalam memperkasa wanita melalui kemahiran seni tradisional sambil memastikan warisan turun-temurun ini terus dihargai dan diwarisi oleh generasi seterusnya.

LAWATAN PERKUMPULAN KAMPUNG BARU, KAPIT KE BANGUNAN IBU PEJABAT PPWS 3 OGOS 2025 KUCHING, SARAWAK

Lawatan Perkumpulan Kampung Baru, Kapit ke Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching telah disambut oleh Ahli Jawatankuasa Induk PPWS dan ahli-ahli PPWS Daerah Kuching. Demonstrasi Masakan Kentang Daging Mayonis ditunjuk ajar oleh Puan Hamidah Mohammad kepada ahli-ahli Kapit.

Lawatan ini dapat mengeratkan hubungan antara ahli dari pelbagai Perkumpulan serta dengan pemimpin di peringkat Induk. Ia juga memberi inspirasi dan semangat untuk terus aktif di peringkat komuniti masing-masing



Gambar kenangan bersama ahli-ahli PPWS Kampung Baru, Kapit

**PROGRAM INTEGRASI ILMU NUSANTARA
6 OGOS 2025
DEWAN JABATAN WANITA DAN KELUARGA
SARAWAK (JWKS), SAMARIANG**

Program ini adalah anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dengan kerjasama Politeknik Negeri Pontianak, Indonesia dan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS).

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pendekatan lestari dalam menangani isu alam sekitar dan bencana. Antara pengisian utama adalah forum perbincangan berkaitan bioretensi bagi mengurangkan banjir, pembinaan desa tahan bencana, serta penggunaan sisa plastik dalam pembinaan jalan raya.

Selain itu, turut diadakan tiga (3) bengkel kemahiran iaitu Cara Pembuatan Bag Tali Kur, Kue Lapis Surabaya dan Pempek Palembang bagi memperkasa kreativiti dan ekonomi komuniti setempat.

Turut diadakan ialah Sesi Perkongsian dari pihak HRDCorp, rakan strategik PPWS yang telah berkongsi berkenaan dengan National Human Capital Conference and Exhibition (NCCE) kepada rombongan daripada Politeknik Negeri Pontianak.



Seramai 120 orang hadir ke Program Integrasi Ilmu Nusantara

**SEMINAR KEPIMPINAN LUAR BANDAR INFRA SARAWAK
18-19 SEPTEMBER 2025
HOTEL IMPERIAL, KUCHING**

Seminar yang dianjurkan oleh Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak ini telah berlangsung selama dua hari. Seramai 300 pemimpin wanita telah menyertai seminar ini, termasuk sepuluh (10) orang peserta daripada PPWS.

Penyertaan PPWS dalam seminar ini mencerminkan komitmen berterusan pertubuhan dalam memperkasa wanita, khususnya pemimpin di peringkat komuniti luar bandar, melalui pembangunan pengetahuan, jalinan kerjasama, dan peningkatan kapasiti kepimpinan.

PPWS berharap agar ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha memperkukuhkan peranan wanita sebagai pemangkin kemajuan masyarakat luar bandar di Sarawak.

Majlis Penutupan Seminar tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.



Pengerusi Negeri Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS), YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, juga telah menghadiri Majlis Perasmian Penutupan Seminar Kepimpinan Luar Bandar



Peserta dari PPWS bersama Encik Fahrin Ahmad, moderator jemputan untuk sesi dialog dalam program seminar ini

**“SARAWAK’S GLOBAL LEAP:
INNOVATION DRIVING INCLUSIVE GROWTH IN EMERGING ECONOMIES.”
25 SEPTEMBER 2025
THE ROUND TOWER 1886 CAFE & RESTAURANT, KUCHING**

PPWS telah dijemput menghadiri Program “Sarawak’s Global Leap: Innovation Driving Inclusive Growth in Emerging Economies.” anjuran AZAM Sarawak. Program ini telah dianjurkan bersama dengan Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) dan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

Mengumpulkan lebih 30 peserta daripada pelbagai latar belakang, program ini menampilkan sesi perkongsian dan perbincangan yang penuh wawasan oleh Ms. Bronwyn Morgan, Ketua Pegawai Eksekutif Xeo Air dan Airversity, FAA Part 107 Pilot, FAASTeam, serta FAA Drone Pro.

Program ini mampu mengangkat inovasi serta memupuk pertumbuhan inklusif dalam ekonomi digital. Kerjasama dan pertukaran pandangan menerusi program ini dijangka membuka lebih banyak peluang pada masa hadapan, khususnya dalam memperkasa golongan muda untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam membentuk masa depan inovasi yang memacu kemajuan rantau ini.



Wakil PPWS bersama peserta program



Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS menerima Sijil Penyertaan daripada penganjur program

PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR – PENANAMAN ANAK POKOK 4 OKTOBER 2025 SEMENGGOH WILDLIFE CENTRE

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dengan kerjasama Sarawak Forestry Corporation (SFC) telah menganjurkan Program Kelestarian Alam Sekitar – Penanaman Anak Pokok bertempat di Semenggoh Wildlife Centre, Kuching.

Lebih 100 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PPWS (Perkumpulan Sri Arjuna, Perkumpulan Annah Rais, Perkumpulan Mambong) serta sukarelawan belia Kampung Jawa Semenggoh telah bersama-sama menjayakan program ini melalui kaedah gotong-royong.

Peserta telah menanam sejumlah 150 anak pokok dari 3 spesis iaitu:

1. Engkaruroh ai (*Ficus lepicarpa*) = 28 pokok
2. Sibau/rambutan hutan (*Nephelium cuspidatum*) = 22 pokok
3. Nyatoh ketiau paya (*Madhuca motleyana*) = 100 pokok

Penglibatan ahli PPWS dalam program ini membuktikan bahawa golongan wanita turut berperanan penting dalam usaha pemeliharaan alam sekitar. Wanita mampu menjadi agen perubahan komuniti dengan memberi contoh kepada generasi muda mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.



Mesyuarat Penyelaras Program telah diadakan pada 21 Ogos 2025 bagi memastikan kelancaran program



Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.17 Stakan



Ucapan oleh YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS



Ahli-ahli PPWS termasuk Ahli Jawatankuasa Induk PPWS yang menyertai program di Semenggoh Wildlife Centre



Turut menyertai aktiviti penanaman anak pokok ialah YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS dan Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS)

LIBAT URUS NGO 2025 ANJURAN AADK SARAWAK 7 NOVEMBER 2025

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak atas usaha berterusan dalam memperkukuh hubungan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk PPWS, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pencegahan penyalahgunaan dadah.

Usaha murni ini turut menyokong matlamat PPWS dalam memperkasa komuniti wanita dan keluarga melalui program pendidikan, advokasi dan pembangunan komuniti yang holistik. Kerjasama strategik antara AADK Sarawak dan PPWS diyakini dapat memperluas capaian maklumat serta memberi impak positif terhadap usaha melahirkan masyarakat yang bebas dadah, sejahtera dan harmoni.



Kehadiran kakitangan PPWS ke Program Libat Urus NGO bersama AADK. Turut hadir ialah Puan Hasmah Sauni Samat, Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan

PPWS hadir ke jemputan Libat Urus NGO 2025 anjuran AADK Sarawak dan berharap jalinan kerjasama ini akan terus diperkukuh melalui pelbagai program pencegahan, bimbingan dan intervensi yang memberi manfaat kepada rakyat di seluruh Sarawak.

KELAS MEMBUAT KUIH KELADI MASIN & PUDING LABU 8 NOVEMBER 2025 RUANG AKTIVITI PPWS, KUCHING

Kelas Memasak melibatkan demonstrasi dan penyediaan dua resipi iaitu Kuih Keladi Masin dan Puding Labu. Sesi pembelajaran ini telah dipimpin oleh Puan Hajah Hanipah Fauziah Shaikh Said, yang berkongsi teknik, tips dan kaedah penyediaan bagi memastikan peserta memahami langkah-langkah menghasilkan kedua-dua hidangan dengan sempurna. Suasana kelas berlangsung dalam keadaan aktif dan interaktif, dengan peserta berpeluang mencuba sendiri proses penyediaan kuih dan puding tersebut.

PPWS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sarawak Flour Mill Sdn. Bhd. atas tajaan tepung bagi menjayakan kelas ini. Sokongan ini amat membantu dalam memperkasa aktiviti kemahiran wanita serta memupuk minat dalam bidang kulinari dalam kalangan ahli.

Kelas ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada para peserta untuk terus mengasah kemahiran memasak dan mencuba resipi baharu, seterusnya memperkukuh peranan wanita dalam pembangunan ekonomi keluarga dan komuniti.



Tenaga pengajar, Puan Hajah Hanipah Fauziah (kiri) menunjukkan 2 jenis kuih yang akan diajar kepada peserta



Para peserta tekun memahami teknik membuat kuih puding labu

PENYERAHAN SUMBANGAN BAGI MENYOKONG PEMULIHARAAN ORANG UTAN 11 NOVEMBER 2025 SEMENGGOH WILDLIFE CENTRE

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah menyerahkan sumbangan kepada Semenggoh Wildlife Centre sebagai tanda sokongan terhadap usaha pemuliharaan dan kesejahteraan spesies Orang Utan di Sarawak.

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah menyerahkan sumbangan kepada Semenggoh Wildlife Centre sebagai tanda sokongan terhadap usaha pemuliharaan dan kesejahteraan spesies Orang Utan di Sarawak.

Sumbangan ini merupakan hasil kutipan derma daripada ahli-ahli PPWS di seluruh Sarawak, yang sentiasa komited dalam menyokong inisiatif berasaskan konservasi dan kesejahteraan hidupan liar. Langkahan ini sekaligus mencerminkan kepedulian dan semangat kesukarelawanan wanita Sarawak dalam memastikan khazanah alam negeri terus terpelihara.

PPWS berharap agar sumbangan ini dapat memberikan manfaat positif kepada pihak Semenggoh dalam memperkukuh usaha penjagaan, rehabilitasi, serta pemuliharaan Orang Utan – spesies ikonik dan terancam yang menjadi simbol kekayaan biodiversiti Sarawak.

PPWS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh ahli yang telah menyumbang secara ikhlas. Semoga semangat kebersamaan ini terus subur demi kelestarian alam sekitar dan generasi akan datang.



Penyerahan mock cheque oleh PPWS kepada pihak Semenggoh Wildlife Centre

**2025 MERDEKA AWARD BORNEO TALK SERIES:
'INSPIRED BY ANCESTORS, DRIVEN BY DREAMS:
YOU ARE THE NEXT STORY'
18 NOVEMBER 2025
ENGLISH TEA HOUSE BY GRAND MARGHERITA,
KUCHING**



YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS bersama tetamu jemputan lain di meja jamuan

PPWS dijemput ke Program 2025 Merdeka Award Borneo Talk Series yang dianjurkan oleh Merdeka Award Trust yang menghimpunkan para penceramah tersohor seperti Alena Murang (Pemuzik & Penulis Lagu Orang Asal), Datin Rosemarie Wong (Presiden Sarawak Heritage Society & Pengarah Projek The Ranees) dan Marcos Kueh (Artis Tekstil Malaysia).

Sesi ini mengumpulkan suara-suara utama dalam industri seni di Sarawak untuk membincangkan dan meraikan bagaimana kreativiti memacu perdagangan serta bagaimana seni dapat berkembang sebagai satu industri yang mampan dan berimpak.



YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Hajah Zainab Tambi, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS bersama tetamu dari organisasi lain

**BENGKEL ASAS PENYUNTINGAN
VIDEO
29 NOVEMBER 2025
HOTEL TELANG USAN, KUCHING**

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Majlis Kebajikan Sosial Sarawak (MKSS) di mana PPWS turut menjadi Ahli Bersekutu kepada MKSS.

Tujuan bengkel ini untuk memberi pengenalan asas penyuntingan video dan menambah ilmu kakitangan PPWS menyunting video menggunakan perisian Microsoft Powerpoint.



Bengkel ini telah dihadiri oleh salah seorang kakitangan PPWS, Encik Mohd Dol bin Sulaiman

**PROGRAM DEMONSTRASI MASAKAN "AIR TANGAN SURI HATI TYT SARAWAK"
30 NOVEMBER 2025
MEDAN NIAGA SATOK, KUCHING**

PPWS telah dijemput untuk hadir bagi memeriahkan Program Demonstrasi Masakan "Air Tangan Suri Hati TYT Sarawak" anjuran FAMA Sarawak, bertempat di Medan Niaga Satok sempena Karnival Medan Niaga Satok 2025.



Sesi demonstrasi masakan oleh Penaung PPWS iaitu masakan Sup Ayam, Sardin dan Sayur Midin Belacan



Ahli-ahli PPWS sebagai tetamu jemputan program hadir bagi memberi sokongan kepada YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Fauziah binti Mohd Sanusi, Penaung PPWS

**SESI TEMUBUAL BERKENAAN PPWS
OLEH
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN, UNIMAS
3 DISEMBER 2025
IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**

Pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UNIMAS telah hadir ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching untuk mendapatkan maklumat dan mendengar perkongsian daripada Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS mengenai Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS), serta usaha PPWS sebagai NGO di Sarawak dalam memperkasa wanita dan komuniti di negeri ini. PPWS amat menghargai sesi perkongsian ini kerana memilih PPWS sebagai salah satu organisasi rujukan bagi tugas Kursus Women and Minorities.

Peluang ini dapat memberi pendedahan kepada belia muda tentang peranan PPWS di Negeri Sarawak sejak penubuhan NGO ini sejak 6 dekad yang lalu.



Puan Hajah Rhohanniza Amika dan Puan Tini ak Jawi bersama pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UNIMAS



Sesi perbincangan PPWS bersama Dr Keeren Sundara Rajoo dari UPMS

**SESI PERBINCANGAN PENUBUHAN
PUSAT PEMROSESAN SISA
KOMUNITI BINTULU (PPSK BINTULU)
4 DISEMBER 2025
IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**

Sesi perbincangan rasmi diadakan bersama Dr. Keeren Sundara Rajoo, Pensyarah Kanan daripada Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS) telah diadakan pada 4 Disember 2025 di Ibu Pejabat PPWS, Kuching melibatkan Pengerusi Negeri PPWS, Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu dan Setiausaha Eksekutif PPWS.

Pusat Pemprosesan Sisa Komuniti Bintulu (PPSK Bintulu) di bawah pengurusan PPWS Daerah Bintulu bakal ditubuhkan dalam masa terdekat.

Pusat tersebut akan dijadikan sebagai tempat pengkomposan sisa makanan komuniti dan pemasaran produk kompos selain pengumpulan bahan kitar semula menggunakan aplikasi KitarNow yang dibangunkan oleh UPMS.

Manfaat projek ini kepada komuniti antaranya ialah mengurangkan sisa makanan ke tapak pelupusan, menyediakan peluang ekonomi wanita melalui kompos dan kitar semula dan memperkasakan PPWS sebagai rakan strategik komuniti.

PPWS yakin projek ini dapat dilaksanakan secara teratur, mampan dan memberi manfaat besar kepada komuniti wanita di Bintulu.

PROGRAM ICT4HER: WANITA DAN TEKNOLOGI
6 DISEMBER 2025
AUDITORIUM PUSTAKA NEGERI SARAWAK, KUCHING

Program ICT4HER: Wanita dan Teknologi anjuran bersama PPWS, Persatuan Wanita UiTM (PEWANI) UiTM dan PPSEAWA (Sarawak Chapter) menjadi ruang bagi wanita menambah kemahiran, meningkatkan literasi digital dan memberi keberanian untuk melangkah ke dalam dunia teknologi.

Program Penutupan telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Beliau menyatakan, "Gunakan telefon bimbit bukan hanya untuk melihat, tetapi untuk mencipta. Gunakan media sosial bukan hanya untuk menonton, tetapi untuk menjana peluang dan membina identiti digital kita sebagai wanita berdaya saing".

Program ICT4HeR ini menyasarkan penyertaan wanita dari kawasan Parlimen Santubong merangkumi pelbagai latar belakang, termasuk peniaga wanita kecil-kecilan yang ingin meningkatkan kemahiran digital dalam perniagaan dan suri rumah yang berhasrat memperluas pengetahuan teknologi untuk kegunaan harian.

Selain itu, program ini turut melibatkan ibu tunggal yang memerlukan sokongan kemahiran baharu bagi meningkatkan peluang ekonomi serta golongan belia wanita yang berminat memperkukuh keterampilan digital selari dengan keperluan teknologi masa kini.

Turut hadir ialah Pengerusi Negeri Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak, YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail; Wakil Pengerusi Pan Pacific and Southeast Asia Women's Association (PPSEAWA) Sarawak Chapter, Dr. Norseha Unin; Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak, Profesor Dr. Firdaus Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak, Japri Bujang Masli.



Salah seorang peserta program menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat



Peserta program dan tetamu jemputan semasa Majlis Penutupan Rasmi Program ICT4HER



Ucapan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen P.194 Santubong

KURSUS KARIPAP FROZEN 18 JANUARI 2025 LUNDU, SARAWAK



16 orang ahli dari Perkumpulan Semunin Jaya, Lundu mengadakan Kursus Karipap Frozen dan disertai seramai 16 orang ahli PPWS. Kursus ini diadakan bagi menyediakan pendedahan ke arah keusahawanan makanan sejuk. Objektif program ini membantu ahli menjana pendapatan tambahan melalui penghasilan dan penjualan produk karipap frozen secara kecil-kecilan atau sebagai peniagaan dari rumah.

MESYUARAT PERWAKILAN CAWANGAN KUCHING/SAMARAHAN SESI 2025/2026 25 JANUARI 2025 HOTEL HARBOUR VIEW, KUCHING



Mesyuarat Perwakilan Cawangan Kuching/Samarahan Sesi 2025-2026 memilih barisan kepimpinan baharu untuk menerajui Cawangan Kuching/Samarahan. Semasa mesyuarat ini, mereka membentangkan dan meluluskan laporan tahunan merangkumi laporan aktiviti, laporan kewangan serta pencapaian PPWS. Tahniah diucapkan kepada Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan bagi Sesi 2025-2026 iaitu Puan Bena Patug. Turut hadir ialah Exco Cawangan Kuching/Samarahan iaitu Yang Berusaha Dr Azlina Bujang serta Puan Hasmah Sauni Samat dan Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.

MAJLIS MAKAN MALAM PPWS CAWANGAN KUCHING/SAMARAHAN 25 JANUARI 2025 HOTEL HARBOUR VIEW, KUCHING



Majlis Makan Malam PPWS Cawangan Kuching telah diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dan semangat kebersamaan antara ahli. Majlis diadakan dalam suasana santai dan mesra. Seramai 160 orang ahli PPWS hadir pada majlis tersebut. Turut hadir ialah Pengerusi Negeri Sesi 2023-2024, Puan Hajah Aishah Edris dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Induk PPWS. Majlis makan malam tersebut bertemakan pakaian Opah dan Kain Batik. Persembahan Terbaik dalam majlis tersebut telah dimenangi oleh PPWS Daerah Simunjan.

**ZIARAH KASIH
27 JANUARI 2025
LUNDU, SARAWAK**



Program Ziarah Kasih ini diadakan untuk memupuk budaya saling bantu-membantu dalam kalangan ahli sebagai satu budaya murni.

**KURSUS TART NANAS
8 FEBRUARI 2025
LUNDU, SARAWAK**



Perkumpulan Semunin Jaya, Lundu telah mengadakan Kursus Tart Nanas yang telah dihadiri oleh 16 orang ahli PPWS. Program Keusahawanan ini mendedahkan ahli kepada konsep keusahawanan bakeri selain membantu ahli menjana pendapatan tambahan melalui penghasilan dan penjualan produk tart nanas secara kecil-kecilan melalui peniagaan dari rumah.

**LAWATAN MUHIBAH KE
RUMAH SERI KENANGAN
5 FEBRUARI 2025
KUCHING, SARAWAK**



Perkumpulan PERGUWANIS telah mengadakan Lawatan Muhibah Ke Rumah Sri Kenangan yang dihadiri seramai 15 orang ahli PPWS. Mereka melawat penghuni di rumah kebajikan yang seramai 50 orang termasuk penghuni dan kakitangan Rumah Seri Kenangan. Objektif program ini ialah memberi sokongan moral, perhatian dan kegembiraan kepada warga emas agar mereka berasa dihargai dan tidak tersisih daripada masyarakat. Selain itu, lawatan sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan memupuk rasa kasih sayang antara ahli komuniti dengan penghuni Rumah Seri Kenagan.

**MAJLIS MAKAN MALAM APRESIASI
8 FEBRUARI 2025
DEWAN WARISAN, SADONG JAYA**



PPWS Daerah Kota Samarahan mengadakan Majlis Makan Malam Apresiasi yang telah dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel Lariwoo, Timbalan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi Kawasan Sadong Jaya. Majlis ini diadakan untuk meningkatkan motivasi dan semangat untuk terus cemerlang agar Jawatankuasa PPWS terus berusaha memberikan prestasi terbaik di peringkat Daerah maupun Perkumpulan.

**LAWATAN MUHIBAH & SUAI KENAL
PERKUMPULAN SEMARAK DAN
PPWS DAERAH SIBU
14-16 FEBRUARI 2025
SIBU, SARAWAK**



Rombongan Perkumpulan Semarak telah disambut oleh Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2023-2024 iaitu Yang Berbahagia Datin Mary Masing. Program lawatan sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan membina jalinan ukhuwah antara ahli-ahli PPWS dari Kuching dengan ahli-ahli PPWS dari daerah luar Kuching.

KURSUS MEMBUAT KUIH LAPIS
15 FEBRUARI 2025
LUNDU, SARAWAK



PPWS Daerah Lundu/Sematan telah mengadakan Kursus Membuat Kuih Lapis yang dihadiri seramai 20 orang ahli. Kuih Lapis merupakan sejenis kuih yang berasal dari Malaysia. Kuih jenis ini terdiri daripada beberapa lapisan dan boleh didapati dalam berbagai-bagai warna. Kursus sebegini diadakan untuk mendedahkan ahli kepada asas keusahawanan makanan serta membantu ahli menjana pendapatan tambahan melalui penghasilan dan penjualan kuih lapis.

PROGRAM SUMBANGAN UNTUK ASNAF
16 FEBRUARI 2025
BAU, SARAWAK



Aktiviti Sumbangan Untuk Asnaf ialah bidang program PPWS di bawah Kebajikan dan Khidmat Masyarakat. Program ini telah diadakan di Dewan Kampung JKKK Kampung Melayu, Bau anjuran Perkumpulan Matang, Kuching diketuai oleh Puan Mulia Abdul Wahab, Pengerusi Perkumpulan Matang. Sumbangan telah diagihkan kepada golongan asnaf dari PPWS Daerah Bau melalui Perkumpulan Bau Town. Melalui program ini, kita dapat menyemai rasa prihatin dan empati terhadap golongan yang memerlukan.

AKTIVITI SANTAI DAN
PERTANDINGAN MEMANCING
22 FEBRUARI 2025
BADUL HOMESTAY



Program ini telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Atas, Bau dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Mordi Bimol, Ahli Parlimen Malaysia bagi kawasan Mas Gading, Sarawak. Ahli-ahli berpeluang menyertai pertandingan memancing ikan. Aktiviti seperti ini dapat mencungkil bakat dan kemahiran memancing dalam kalangan ahli PPWS.

TARIKH: 4 OGOS 2025
KURSUS GUBAHAN BUNGA
TEMPAT: LUNDU DAN SIMUNJAN



Kursus Gubahan Bunga dianjurkan oleh PPWS Daerah Lundu/Sematan dan PPWS Daerah Simunjan. Objektif program ini dapat meningkatkan kreativiti ahli dalam menghasilkan pelbagai reka bentuk gubahan bunga. Selain itu, aktiviti sebegini dapat mengasah kemahiran halus dan ketelitian melalui proses memilih, menyusun dan menggabungkan elemen bunga dan aksesori.

AKTIVITI-AKTIVITI PPWS SEMPENA BULAN RAMADAN 2025

Ahli-ahli PPWS dari Daerah dan Perkumpulan tidak melepaskan peluang mengadakan program kebajikan dan khidmat masyarakat sempena bulan Ramadan 2025M. Program ini mengimarahkan suasana Ramadan dengan penganjuran aktiviti bermanfaat yang boleh mendekatkan komuniti PPWS kepada amalan kebaikan dan kesukarelawan. Selain itu, aktiviti sebegini dapat mengidupkan amalan berkongsi rezeki dan bersedekah, khususnya kepada golongan yang memerlukan.



**PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN
DAN CERAMAH KESIHATAN
19 MAC 2025
BALAI RAYA, KAMPUNG SIRU DAYAK**



Seramai 20 orang ahli Perkumpulan Kampung Siru Dayak menyertai Program Pemeriksaan Kesihatan dan Ceramah Kesihatan yang dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Lundu dan Klinik Bahagian Sematan. Program ini seharusnya perlu giat diadakan agar komuniti masyarakat mempunyai kesedaran akan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan ahli selain meningkatkan pengetahuan dan informasi mengenai isu kesihatan.

**KELAS MEMBUAT KETUPAT BAK CHANG
DAN KUIH TIRAM
22 MAC 2025
SERIAN, SARAWAK**



Kelas Membuat Ketupat Bak Chang dan Kuih Tiram dianjurkan di bawah bidang program Latihan dan Kemahiran. Kelas ini dianjurkan oleh Perkumpulan Taman Duranda Emas, Serian di kediaman Pengerusi Perkumpulan. Kuih Bak Chang merupakan hidangan tradisi kaum Cina, namun ia kini boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Kuih tiram pula sejenis kuih tradisional Melayu Brunei dan Orang Bajau.

**KELAS MEMBUAT KUIH CINA
29 MAC 2025
SERIAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Jenan, Serian mengadakan kelas membuat Kuih Cina. Melalui program sebegini dapat memupuk semangat perpaduan dan menghargai kepelbagaian budaya melalui aktiviti pembelajaran tentang makanan tradisional masyarakat cina di Malaysia.

**KELAS GUBAHAN HAMPER
5 APRIL 2025
SIMUNJAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Melanjok, Simunjan mengadakan Kelas Gubahan Hamper. Aktiviti ini dapat menggalakkan kreativiti dan inovasi ahli dalam menghasilkan rekaan hamper yang menarik, kemas dan mengikut tema. Selain itu, mereka dapat meningkatkan kemahiran diri dalam penyediaan, susun atur dan pembungkusan hamper.

**PERTANDINGAN MENGANYAM KETUPAT
19 APRIL 2025
WISMA SABERKAS, KUCHING**



PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dengan kerjasama Wisma Saberkas menganjurkan Pertandingan Menganyam Ketupat yang telah disertai oleh ahli PPWS dan orang awam. Program ini telah mencungkil bakat dan kreativiti peserta dalam menghasilkan anyaman ketupat yang menarik dan berkualiti.

**KELAS MEMBUAT RANTAI MANIK
27 APRIL 2025
SERIAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Sikog, Serian belajar membuat rantai manik bagi memberi pendedahan kepada ahli tentang seni kraftangan tradisional serta moden. Aktiviti ini juga menggalakkan kreativiti dan meningkatkan kemahiran tangan dalam menghasilkan aksesori yang cantik dan estetika. Seramai 30 orang ahli PPWS telah menyertai aktiviti ini.

AKTIVITI JUALAN PPWS SERIAN



Perkumpulan Kampung Bantang dan PPWS Kampung Kakai dari Serian telah membuat jualan lemag / pangkang melalui usaha gotong-royong. Aktiviti ini diadakan untuk menjana pendapatan Perkumpulan agar lebih banyak lagi aktiviti anjuran Perkumpulan ini diadakan di peringkat komuniti.

**MAJLIS HI-TEA SEMPERNA
SAMBUTAN HARI IBU, HARI PPWS &
HARI WANITA SEDUNIA
11 MEI 2025
SERIAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Kakai, Serian telah mengadakan Majlis Hi-Tea Sempena Sambutan Hari Ibu, Hari PPWS & Hari Wanita Sedunia bagi menghargai peranan dan sumbangan ahli. Program sebegini mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan mereka. Program ini turut dihadiri Puan Wendy Peter Kiang, Pengerusi PPWS Daerah Serian.

**PROGRAM HARI KELUARGA DAN HARI IBU
24 MEI 2025
SEMATAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Siru Dayak telah menganjurkan Hari Keluarga dan Hari Ibu disertai oleh 54 orang anak-anak serta ahli keluarga dalam kalangan ahli-ahli Perkumpulan. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan silaturrahim antara mereka.

**LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE
TEBEDU AGROFEST
23 MEI 2025**



Perkumpulan Kampung Tarat Mawang, Serian telah mengadakan lawatan ke Tebedu Agrofest. Objektif program ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang kepentingan sektor pertanian dalam menjana pendapatan diri maupun keluarga. Selain itu, lawatan ini mendedahkan ahli kepada industri agro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

**NATIONAL TRAINING WEEK - HRDCORP:
KELAS MEMBUAT MANISAN TRADISIONAL
ALUS MANIS
24 MEI 2025
SIMUNJAN, SARAWAK**



Kelas Membuat Manisan Tradisional Alus Manis di bawah Program Keusahawanan telah memberi pendedahan kepada ahli tentang cara pembuatan manisan tradisional serta memelihara dan memartabatkan warisan kulineri tradisional. Program ini telah diadakan di Bangunan PPWS Daerah Simunjan dan disertai oleh ahli dari Daerah Kuching, Simunjan dan Sebuyau. Turut hadir ialah Puan Tuty Bujang, Ketua Wilayah Sarawak HRD Corp yang turut menaja program ini melalui National Training Week di bawah inisiatif HRDCorp.

**SAMBUTAN MOTHER'S DAY & PRA GAWAI
25 MEI 2025
BAU, SARAWAK**



Sambutan Mother's Day & Pra Gawai telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Bau. Program ini turut dihadiri oleh Puan Hasmah Sauni Samat, Exco Cawangan Kuching/Samarahan dan Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

**NATIONAL TRAINING WEEK - HRDCORP:
KELAS MENGANYAM BAKUL DAN SENI
DECOUPAGE
13 JUN 2025
KUCHING, SARAWAK**



Kelas Menganyam Bakul dan Seni Decoupage telah diadakan untuk meningkatkan kemahiran seni tangan serta menggalakan kreativiti dan inovasi dalam kalangan ahli untuk menghasilkan produk kraf. Seramai 30 orang ahli menyertai kelas ini.

**NATIONAL TRAINING WEEK - HRDCORP:
KELAS MEMBUAT KUIH BONGKOL DAN
NONA MANIS
15 JUN 2025
KUCHING, SARAWAK**



PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah menganjurkan Kelas Membuat Kuih Bongkol dan Nona Manis. Program Keusahawanan ini memberi pendedahan kepada peserta tentang cara pembuatan kuih tradisional serta memelihara dan memartabatkan warisan kulineri tradisional.

**BENGKEL PANDEI
12-13 JUN 2025
KUCHING, SARAWAK**



Ahli-ahli dari PPWS Daerah Kota Samarahan telah menyertai Bengkel PANDEI anjuran Pustaka Negeri Sarawak. Program Pemeraksanaan Digital ini meningkatkan kemahiran digital untuk ahli PPWS agar kaum wanita juga tidak ketinggalan dalam era teknologi Artificial Intelligence (AI). Program ini telah memberi pendedahan asas tentang AI untuk wanita luar bandar.

**PROGRAM ACWW WOMEN
WALK THE WORLD 2025
5 JULAI 2025
LUNDU, SARAWAK**



Program ACWW Women Walk The World adalah program tahunan PPWS Cawangan Kuching/Samarahan yang dianjurkan oleh PPWS Daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan mengikut tahun giliran. PPWS Daerah Lundu/Sematan telah menjadi tuan rumah program ini pada tahun ini. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Abang Abdul Aziz Datuk Abang Draup, Setiausaha Politik kepada YAB Premier Sarawak. Program ini telah menyokong agenda pembangunan mampan (SDG) melalui pelaksanaan aktiviti yang menekankan tentang program kesejahteraan, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kelestarian. Program ini telah dihadiri oleh ahli seramai 350 orang ahli PPWS.

**MEMBUAT PITIS DAN MEMBUAT
KUIH KURAK-KURAK
20 JULAI 2025
SERIAN, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Hilir, Serian telah mengadakan Program Keusahawanan Membuat Pitis dan Membuat Kuih Kurak-Kurak. Melalui kemahiran yang dibelajar, ahli-ahli PPWS berpotensi menjadi usahawan dalam perniagaan kecil melalui jualan produk makanan kering maupun basah.

**AKTIVITI HARI KELUARGA PPWS
22 JULAI 2025
PANTAI TROMBOL, KUCHING**



Perkumpulan Kampung Kakai, Serian mengadakan Aktiviti Hari Keluarga sempena Hari Sarawak di Pantai Trombol, Kuching. Program ini memupuk semangat setiakawan antara ahli PPWS dan mewujudkan suasana yang harmoni.

**KURSUS ASAS ROTI
26 JULAI 2025**



Kursus Asas Roti dianjurkan oleh Bakery PPWS Daerah Simunan. Program seperti ini memberi pengetahuan dan kemahiran asas kepada ahli mengenai bahan, teknik serta proses membuat roti pastri yang sedap dan lembut. Dengan menyertai kursus seperti ini akan dapat menggalakkan ahli-ahli berkecimpung dalam bidang keusahawanan bakeri.

**PERTANDINGAN MASAKAN TRADISI ETNIK SARAWAK
9 OGOS 2025
KUCHING, SARAWAK**



PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah mengadakan Pertandingan Masakan Tradisi Etnik Sarawak di Ruang Aktiviti, Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Peserta pertandingan ialah 12 orang ahli PPWS dari enam (6) Daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan. Pertandingan ini diadakan bagi mencungkil bakat dan kreativiti ahli dalam masakan tradisional Sarawak dan resipi-resipi ini akan disumbangkan kepada Ibu Pejabat PPWS untuk penerbitan buku resipi.

Asam Lakum Lumek Saley adalah menu yang telah berjaya menambat hati juri dan pemenang pertandingan masakan menu ini ialah Puan Sharifah Masniah Wan Ali dari PPWS Daerah Sebuyau.

**KELAS PEMBUATAN KUIH BONGKOL
17 OGOS 2025
LUNDU, SARAWAK**



Perkumpulan Kampung Semunin Jaya, Lundu telah mengadakan Kelas Pembuatan Kuih Bongkol. Program ini dapat membantu ahli menjana pendapatan tambahan melalui penghasilan dan penjualan produk kuih bongkol secara kecil-kecilan atau sebagai peniagaan dari rumah.

**LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE BANDARAYA MIRI
13-16 SEPTEMBER 2025**



Perkumpulan Kampung Sikog, Serian telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar Ke Bandaraya Miri bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman ahli-ahli tentang sejarah, budaya, ekonomi serta pembangunan di Miri.

**PERTANDINGAN PESTA CUCUR
5 OKTOBER 2025
KUCHING, SARAWAK**



Pertandingan Pesta Cucur telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Kuching dan turut dihadiri oleh Pengerusi Negeri, Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail. Objektif pertandingan ini bagi memperkenalkan resipi baru atau persembahan kreatif penyediaan cucur oleh setiap ahli Perkumpulan yang menyertai pertandingan.

MESYUARAT PERWAKILAN PPWS SESI 2025-2026



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sri Aman Sesi 2025-2026 di Dewan Khulafa Masjid Bandar Sri Aman pada 25 Januari 2025 yang turut dihadiri oleh Jawatankuasa Cawangan Sri Aman. Pada mesyuarat tersebut, Puan Dyg Margeret Abg Hamid telah dipilih menjadi Pengerusi Daerah Sri Aman Sesi 2025-2026. Mesyuarat ini bertujuan melapor laporan dua tahun 2023-2024, merangka aktiviti tahun 2025, pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2023-2024 dan melantik Jawatankuasa Baru sesi 2025-2026.



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Saratok Sesi 2025-2026 di Belian Corner, Sessang pada 12 Januari 2025 yang turut dihadiri oleh Jawatankuasa Cawangan Sri Aman. Pada mesyuarat tersebut, Puan Hajah Razenah Binti Spawi telah dipilih menjadi Pengerusi Daerah Sesi 2025-2026. Mesyuarat ini bertujuan melapor laporan dua tahun 2023-2024, merangka aktiviti tahun 2025, pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2023-2024 dan melantik Jawatankuasa Baru Sesi 2025-2026.



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sri Aman Sesi 2025-2026 di Dewan Khulafa Masjid Bandar Sri Aman pada 25 Januari 2025 yang turut dihadiri oleh Jawatankuasa Cawangan Sri Aman. Pada mesyuarat tersebut, Puan Dyg Margeret Abg Hamid telah dipilih menjadi Pengerusi Daerah Sri Aman Sesi 2025-2026. Mesyuarat ini bertujuan melapor laporan dua tahun 2023-2024, merangka aktiviti tahun 2025, pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2023-2024 dan melantik Jawatankuasa Baru sesi 2025-2026.

MAJLIS MAKAN MALAM PPWS



Perkumpulan Pusa telah mengadakan Majlis Makan Malam Selingkar Kenangan Sesi 2023-2024 pada 11 Januari 2025 di Dewan Teratak Akal Pusa yang bertemakan "Ala Kampung".



Perkumpulan Simanggang Town telah mengikuti Majlis Makan Malam Persatuan Teochew Bahagian Sri Aman pada 4 Januari 2025 di Dewan Suarah Sri Aman.



Perkumpulan Simanggang Town telah menyertai Makan Malam bagi meraikan Hari Krismas 2024, Menyambut Tahun Baru 2025 Dan Tahun Baru Cina 2025 pada 16 Januari 2025 anjuran Kumpulan Senaman Sihat Cergas PAWE Sri Aman di Kompleks Penyayang Sri Aman.



Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Perwakilan Induk PPWS Sesi 2025-2026 yang telah dihadiri oleh 6 delegasi daripada PPWS Cawangan Sri Aman pada 22 Februari 2025 di Hotel Serapi Kuching.



Perkumpulan Simanggang Town dengan Kerjasama Simanggang Music Society mengadakan Majlis Makan Malam dan Pertandingan Fesyen Kebaya Sempena Hari Wanita 2025 pada 12 Mac 2025 di Hotel Seri Simanggang. Majlis tersebut telah diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi, Ahli Parlimen P 202 Sri Aman.



Majlis Makan Malam Sempena Meraikan Ulang Tahun Ke-5 Persatuan dan Majlis Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa Baru anjuran Persatuan Klan Zhan Simanggang pada 10 Mei 2025 di Hotel Seri Simanggang. Seramai 25 orang ahli Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri majlis tersebut.



Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Ibu 2025 anjuran Perkumpulan Simanggang Town pada 13 Mei 2025 di Chuan Hong Restaurant Simanggang. Seramai 33 orang ahli telah mengikuti majlis tersebut.



PPWS Cawangan Sri Aman telah menghadiri Majlis Makan Malam sempena Sambutan Jubli Intan Ke-60 tahun PPWS Cawangan Miri/Bintulu pada 5 Julai di Kemena Plaza Hotel Bintulu. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Rosey Haji Yunus, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Sarawak.

PROGRAM SESI LIBAT URUS BERSAMA NGO 18 JANUARI 2025 SRI AMAN, SARAWAK



Jawatankuasa Cawangan Sri Aman dan Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Program Sesi Libat Urus Bersama NGO anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) di Hotel Seri Simanggang, Sri Aman.

PROGRAM AMAL SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025



Perkumpulan Simanggang Town telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Benevolent Society Simanggang dalam menganjurkan Program Pemberian Duit Angpau dan Barangan Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2025 pada 19 Januari 2025 bersama penghuni Benevolent Society.



Perkumpulan Simanggang Town telah mengadakan Program Pemberian Hadiah Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2025 pada 22 Januari 2025 di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Sri Aman.

KELAS MASAKAN



Demonstrasi Membuat Kentang Goyang PPWS Perkumpulan Kampung Hilir pada 2 Februari 2025 di rumah pengerusi, Puan Rogayah Zakaria. Seramai 27 orang ahli telah menghadiri program tersebut.



Demonstrasi membuat Begedil Ayam anjuran Perkumpulan Kampung Hulu Saratok pada 18 Mei 2025 di kediaman Puan Amalina Maderi. Seramai 25 orang ahli telah mengikuti program tersebut.



Demonstrasi membuat Kuih Penyaram pada 25 Mei 2025 anjuran Perkumpulan Kampung Melango Baru Saratok di Anjung Madani, Surau Darul Iman, Saratok.



Perkumpulan Kampung Baru Betong telah mengadakan Kelas Membuat Kuih Sengaruk dan Kuih Tausa Piang di kediaman Puan Sadiyah Senin pada 10 Ogos 2025. Seramai 13 orang ahli telah menghadiri kelas ini.



Perkumpulan Kampung Hilir telah mengadakan Kelas Masakan Membuat Acar Buah di kediaman Pengerusi Perkumpulan iaitu Puan Rogayah Zakaria pada 4 Oktober 2025. Seramai 15 orang ahli telah menyertai kelas masakan tersebut. Program ini bertujuan untuk belajar teknik membuat acar buah dan membantu ahli untuk membuat jualan tersebut dari rumah.



PPWS Daerah Sri Aman telah menganjurkan Kelas Membuat Penyaram di Bangunan PPWS Sri Aman pada 25 Oktober 2025. Puan Masnah Bujang telah menjadi tenaga pengajar untuk kelas tersebut. Program ini bertujuan untuk melatih para peserta untuk memasak penyaram dengan teknik yang betul dari segi adunan, bentuk dan cara menggoreng.

KUNJUNGAN KE RUMAH TERBUKA SEMPENA TAHUN BARU CINA 11 FEBRUARI 2025



Seramai 25 orang ahli Perkumpulan Simanggang Town dan Jawatankuasa Cawangan Sri Aman telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di kediaman Pengerusi Simanggang Town, Puan Kon Moi Choo.



Turut hadir ke rumah terbuka tersebut ialah Puan Lela Ain, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman; Puan Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain, Pengelola Cawangan Sri Aman; dan Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman.

MESYUARAT PPWS DAN SESI SERAH TUGAS JAWATANKUASA PPWS



Mesyuarat Serah Tugas PPWS Cawangan Sri Aman, Daerah Sri Aman dan Daerah Saratok telah diadakan di Pejabat PPWS Sri Aman pada 9 Februari 2025. Seramai 19 orang ahli PPWS telah menghadiri mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Daerah Saratok dan Sesi Serah Tugas telah diadakan pada 7 Februari 2025, di Anjung Komuniti Madani, Surau Darul Iman, Kampung Melango Baru Saratok. Seramai 17 orang ahli telah menghadiri mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Jawatankuasa dan Sesi Serah Tugas diadakan pada 18 Februari 2025 Perkumpulan Nyabor A di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Puan Sayang Salim, Timbalan Pengerusi Daerah Saratok Sesi 2025-2026.



Perkumpulan Kampung Alit telah mengadakan Mesyuarat Serah Tugas pada 27 Februari 2025, di kediaman Puan Rokiah Abdullah. Seramai 14 orang ahli yang hadir dalam mesyuarat tersebut.



Perkumpulan Kampung Muruh telah mengadakan Mesyuarat Serah Tugas dan Mesyuarat Merangka Aktiviti Tahunan pada 28 Februari 2025, di kediaman Puan Hajah Masni Taha. Seramai 19 orang ahli telah hadir ke mesyuarat tersebut.

PROGRAM PENGURUSAN FARDHU KIFAYAH DAN INOVASI 22 FEBRUARI 2025 SRI AMAN, SARAWAK



Perkumpulan Kampung Pangkat telah mengikuti Program Pengurusan Fardhu Kifayah dan Inovasi Pelajar Bersama Ibu Bapa di Surau Riadhus Solihin, Kampung Pangkat, Sri Aman. Seramai 12 orang ahli PPWS telah terlibat dalam program ini.

PROGRAM GOTONG-ROYONG PPWS



Perkumpulan Kampung Hilir Kabong telah mengadakan aktiviti gotong-royong di Tanah Perkuburan Islam Kabong pada 23 Februari 2025. Sebanyak 20 ahli PPWS yang terlibat.



Perkumpulan Kampung Nyabor A telah mengadakan aktiviti gotong-royong di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor pada 23 Februari 2025. Seramai 20 orang ahli PPWS yang terlibat.



Perkumpulan Kampung Hilir Beladin mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Masjid Beladin AL-Amin pada 26 Februari 2025. Sebanyak 18 orang ahli telah mengikuti program tersebut.



Aktiviti gotong-royong dan menanam pokok Tin anjuran bersama Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Hulu dan Kampung Bunga Raya di Masjid AL-Muhtadin, Saratok telah diadakan pada 27 Februari 2025. Seramai 15 orang ahli telah mengikuti program tersebut.



Perkumpulan Kampung Hilir telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan masjid dan mengadakan sesi agihan bakul makanan pada 28 Februari 2025 sempena Bulan Ramadan. Seramai 15 orang ahli telah terlibat dalam program tersebut.



Perkumpulan Kampung Stawang telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kampung Hulu pada 1 Mac 2025. Seramai 10 orang ahli terlibat dengan program tersebut.



Perkumpulan Kampung Empelam telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan Masjid Lebai Mat di Kampung Empelam pada 26 Mac 2025 sempena bulan Ramadan.



Perkumpulan Kampung Melango Lama, Perkumpulan Kampung Melango Baru dan Perkumpulan Kampung Hulu Saratok telah menganjurkan Program Gotong-Royong Premier 2025 di Masjid AL-Muhtadin, Saratok pada 10 Julai 2025. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Yusuf bin Haji Trang, Pengerusi Masjid AL-Muhtadin, Saratok. Seramai 30 orang ahli telah mengikuti program tersebut.



Perkumpulan Sungai Daun Maludam telah mengikuti aktiviti gotong-royong membersihkan gereja pada 8 Ogos 2025 bersama ahli gereja daripada St. Helen, Serian. Seramai 15 orang ahli telah terlibat dalam program tersebut.



Perkumpulan Kampung Hulu Kabong dan Kampung Hilir Kabong telah menyertai Program Gotong-Royong (GORO) Mega: Perangi Aedes 2.0 Peringkat Negeri Sarawak anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia pada 27 September 2025. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang awam akan pentingnya menjaga kebersihan dan membasmi tempat pembiakan nyamuk.



Perkumpulan Kampung Hulu Kabong telah mengikuti aktiviti gotong-royong sempena Program Jiwa@Komuniti Madani pada 25 Mei 2025 anjuran Jabatan Penerangan Saratok di Padang Sepak Takraw, Kampung Hulu Kabong. Program tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Kabong.

PROGRAM AGIHAN MAKANAN SEMPENA BULAN RAMADAN 2025



Program Memasak Bubur Lambuk telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Hilir dengan kerjasama JKKK dan KRT Kampung Haji Undom Sri Aman pada 26 Februari 2025. Seramai 30 orang ahli telah mengikuti program tersebut.



Program Memasak Bubur Lambuk yang telah dianjurkan oleh Perkumpulan Kampung Sembau dengan kerjasama KRT Tanah Baru Sembau, Sri Aman pada 28 Februari 2025. Program tersebut telah diadakan di Surau Wardah Al-Ummah, Kampung Sembau.



Perkumpulan Kampung Sessang dengan kerjasama JKP Masjid Ar Rahman Sessang telah mengadakan Program Agihan Bubur dan Kurma di Masjid Ar Rahman Sessang pada 1 Mac 2025. Seramai 20 orang ahli terlibat dalam program tersebut.



Perkumpulan Kampung Baru Betong telah mengadakan Program Memasak Bubur Pedas di Surau Darul Taqwa pada 8 Mac 2025. Seramai 20 orang ahli terlibat dalam program tersebut.



Perkumpulan Kampung Nyabor A telah mengadakan Program Agihan Nasi Ayam di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor pada 13 Mac 2025. Program tersebut diserikan lagi dengan kehadiran Puan Sayang Salim, Timbalan Pengerusi Daerah Saratok dan Puan Hajah Masina Binti Bakar, Ahli Jawatankuasa Saratok.



Perkumpulan Kampung Pangkat telah mengadakan Program Agihan Bubur Pedas Sempena Bulan Ramadan di Pusat Sumber Wanita Kampung Pangkat pada 15 Mac 2025. Seramai 13 orang ahli telah terlibat dengan program tersebut.



Perkumpulan Kampung Muroh telah mengadakan Program Memasak Bubur Kapur di kediaman Puan Hajah Masni pada 15 Mac 2025. Seramai 19 orang ahli terlibat dalam program ini.



Perkumpulan Kampung Tengah Betong telah mengadakan Program Agihan Bubur Lambuk pada 22 Mac 2025 sempena bulan Ramadan. Seramai 15 orang ahli terlibat dalam program ini.



Program Agihan Bubur Pedas telah diadakan anjuran bersama empat (4) Perkumpulan iaitu Perkumpulan Kampung Sungai Endot, Kampung Hilir, Kampung Hulu Dan Kampung Baru Kabong pada 22 Mac 2025. Program diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Dato Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong.

PROGRAM HARI WANITA ANTARABANGSA 9 MAC 2025



Perkumpulan Kampung Pasir Panas telah mengadakan Program Program Hari Wanita Antarabangsa dan juga Sambutan Hari Jadi ahli PPWS yang jatuh pada bulan Mac 2025. Seramai 21 orang ahli memeriahkan program tersebut.

MAJLIS IHYA' RAMADAN 21 MAC 2025



Program Ihya' Ramadan telah diadakan anjuran bersama empat (4) Perkumpulan iaitu Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Hulu Dan Kampung Bunga Raya Saratok pada 21 Mac 2025.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN



Majlis Khatam Al-Quran anjuran Perkumpulan Kampung Nyabor A di Masjid Lama Tok Amal Kampung Nyabor pada 20 Mac 2025.



Majlis Khatam Al-Quran anjuran Perkumpulan Bersatu Kampung Nyabor B di Masjid Baru Tok Amal, Kampung Nyabor pada 22 Mac 2025. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Mohd Chee Bin Kadir, ADUN N40 Kabong.



Majlis Khatam Al-Quran anjuran Perkumpulan Kampung Melango Baru dengan kerjasama JKP Surau Darul Iman Saratok pada 29 Mac 2025. Seramai 25 orang ahli telah terlibat dalam program tersebut.



Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Hulu Saratok Dan Kampung Bunga Raya telah menjadi penganjur bersama dalam menjayakan Majlis Khatam Al-Quran di Dewan Masjid Al-Muhtadin Saratok pada 27 September 2025. Seramai 78 ahli telah menyertai program tersebut. Majlis ini bertujuan untuk meraikan ahli-ahli yang telah khatam membaca Al-Quran dan sebagai galakkan kepada ahli supaya terus membaca dan menghayati Al-Quran.

SAMBUTAN RAMAH TAMAH AIDILFITRI 2025



**Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Hulu Dan Kampung Bunga Raya Saratok
12 April 2025**



**Perkumpulan Kampung Pangkat
12 April 2025**



**Perkumpulan Kampung Tengah Betong
13 April 2025**



**Perkumpulan Kampung Sessang
13 April 2025**



**Perkumpulan Kampung Baru Betong
18 April 2025**



**Perkumpulan Pusa
25 April 2025**

PROGRAM BERANYI RAYA 18 APRIL 2025



Perkumpulan Kampung Melango Baru telah mengadakan Program Beranyi Raya Sawah Padi di kediaman Puan Darna binti Majeni. Seramai 20 orang ahli telah terlibat dalam program tersebut.

PROGRAM MINI SUKAN DAN PERTANDINGAN PERTUNJUKAN BAKAT 1 MEI 2025



Program Mini Sukan dan Pertandingan Pertunjukan Bakat anjuran Kumpulan Wanita Foochow Association Bahagian Sri Aman telah disertai oleh ahli-ahli dari Perkumpulan Simanggang Town. Program tersebut diadakan di Stadium Mini Sri Aman dan seramai 11 orang ahli telah menyertai program ini.

MAJLIS SAMBUTAN HARI PPWS 17 MEI 2025



Majlis Sambutan Hari PPWS 2025 anjuran PPWS Cawangan Sri Aman telah diadakan di Dewan Khulafa Masjid Besar, Bandar Sri Aman. Seramai 59 orang ahli telah hadir dalam program ini. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran EXCO PPWS Cawangan Sri Aman, Puan Hajah Masnah Haji Ramli dan Puan Hajah Hamdiah Haji Mat.



Sesi memotong kek bersama EXCO PPWS Cawangan Sri Aman, PPWS Jawatankuasa Cawangan Sri Aman, PPWS Daerah Sri Aman dan PPWS Daerah Saratok.

BENGKEL PANDEI: PENIAGA WANITA KECIL ERA DIGITAL 24-25 MEI 2025 SRI AMAN, SARAWAK



Bengkel PANDei: Peniaga Wanita Kecil Era Digital anjuran Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama PPWS Cawangan Sri Aman yang diadakan di NADI Kampung Hilir Sri Aman.

SEMINAR PERTOLONGAN CEMAS 25 MEI 2025



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri Seminar Pertolongan Cemas anjuran bersama Biro Wanita dan Pemuda Persatuan Teochew Bahagian Sri Aman dan Persatuan Bulan Sabit Merah di Premis Persatuan Teochew Sri Aman.

**PROGRAM SUMBANGAN DAN AGIHAN BANTUAN
KEPADA YANG MEMERLUKAN**



**Perkumpulan Kampung Tengah Betong
25 Mei 2025**



**Perkumpulan Hilir Kabong dan Kampung Sungai Endot
29 Julai 2025**



**Perkumpulan Kampung Hulu Kabong dan
Kampung Darat Kabong
2 Ogos 2025**



**Perkumpulan Kampung Sessang
10 September 2025**



**Perkumpulan Kampung Empelam
18 September 2025**



**Perkumpulan Kampung
Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung
Bunga Raya, Kampung Hulu Saratok bersama
Kumpulan Sokongan
Pink Ribbon Sarawak
10 Oktober 2025**



**Perkumpulan Kampung Baru Kabong
20 Oktober 2025**

LAWATAN MESRA KE PPWS KAMPUNG BELAWAI 1 JUN 2025



Perkumpulan Kampung Nyabor A telah mengadakan lawatan ke PPWS Kampung Belawai. Seramai 40 orang ahli telah mengikuti lawatan tersebut.

PENTAS CILIK AIDILADHA 11 JUN 2025



Program Pentas Cilik Aidiladha anjuran JKK Haji Undom dengan kerjasama Perkumpulan Kampung Hilir di Perkarangan Rumah Puan Hajah Jamayah.

RUMAH TERBUKA SEMPENA PERAYAAN HARI GAWAI 2 JUN 2025



Perkumpulan Simanggang Town telah menghadiri jemputan rumah terbuka Hari Gawai yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Datuk Francis Harden Anak Hollis, Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat merangkap ADUN N32 Simanggang. Turut hadir ke rumah terbuka tersebut ialah Yang Berhormat Datuk Amar Profesor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak.

LAWATAN MUHIBBAH PPWS JKK SOSIAL & REKREASI KE PERKUMPULAN PUSA 19 JUN 2025



Lawatan Muhibbah ke Perkumpulan Pusa telah diadakan dan rombongan lawatan diketuai oleh Puan Hasmah Sauni Samat, Pengerusi JKK Sosial dan Rekreasi. Turut serta mengikuti lawatan tersebut ialah Puan Hajah Hamdiah Hj Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Media & Publisiti merangkap Exco PPWS Cawangan Sri Aman.

SAMBUTAN HARI GAWAI DAYAK 5 JUN 2025



Perkumpulan Kampung Suak A Meludam telah mengadakan Sambutan Hari Gawai Dayak yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dayang Noorazah binti Awang Sohor, ADUN N28 Lingga.

IDEATHON : WOMEN LED FOOD REVOLUTION 14-15 & 21 JUN 2025



PPWS Cawangan Sri Aman telah mengikuti Program Ideathon : Women Led Food Revolution anjuran Sri Aman Digital Hub dan SDEC. Seramai 15 orang ahli telah menghadiri program tersebut.

PROGRAM SEMBANG SANTAI BERSAMA KOMUNITI MADANI 28 JUN 2025



Perkumpulan Kampung Hilir Kabong dan Kampung Hulu Kabong telah mengikuti Program Sembang Santai bersama Komuniti MADANI anjuran Jabatan Penerangan Saratok di Pantai Tanjung Kembang Kabong. Seramai 50 orang ahli PPWS telah mengikuti program tersebut.

LAWATAN KE KANCHANABURI 20 - 25 JUN 2025



Perkumpulan Kampung Hulu, Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama dan Kampung Bunga Raya telah mengikuti lawatan 5 hari 4 malam ke Bangkok Kanchanaburi. Seramai 12 orang ahli PPWS telah mengikuti lawatan tersebut.

PROGRAM BERSAMA NADI MAHIR 5 JULAI 2025



Perkumpulan Kampung Melayu Roban telah mengikuti Program Bersama NADI Mahir anjuran Nadi Pekan Roban. Seramai 10 orang ahli PPWS telah menghadiri program tersebut.

MINI TOWNHALL DAN MAJLIS RAMAH TAMAH RAYA 26 JUN 2025



PPWS Cawangan Sri Aman telah mengikuti Program Mini Townhall dan Majlis Ramah Tamah Raya anjuran Sri Aman Digital Innovation Hub. Seramai 11 orang ahli telah mengikuti program tersebut.

PROGRAM SUKANEKA HASRAT MADANI 6 JULAI 2025



Program Sukaneka Hasrat Madani anjuran Perkumpulan Kampung Bunga Raya dengan kerjasama J-KOM (Jabatan Komunikasi Komoniti Zon dan empat (4) Perkumpulan Daerah Saratok) telah diadakan di Ruang Letak Kereta Dango Nek Kochon 2, Saratok.

AGIHAN BUBUR ASYURA



Perkumpulan Kampung Baru Betong
7 Julai 2025



Perkumpulan Kampung Hilir dengan
kerjasama JKKK Haji Undom
10 Julai 2025



Perkumpulan Kampung Tengah
Betong dengan kerjasama KRT dan
Bank Rakyat Betong
17 Julai 2025



Perkumpulan Kampung Nyabor A
18 Julai 2025



Perkumpulan Kampung Melayu Roban
19 Julai 2025



Perkumpulan Kampung Muroh
20 Julai 2025

PROGRAM WOMEN LEADERSHIP 4- 6 JULAI 2025 BETONG, SARAWAK



Pengerusi Daerah Saratok, Puan Hajah Razenah Spawi dan Perkumpulan Kampung Baru Betong telah mengikuti Program Women Leadership anjuran Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak (JWKS) di Hock Peng, Conference Room 1 (Medan Hotel), Betong.

PROGRAM HARI WANITA GABUNGAN BERSAMA PPWS MALUDAM, BELADIN DAN PUSA 12 JULAI 2025



Program Hari Wanita Gabungan Bersama PPWS Maludam, Beladin dan Pusa anjuran Perkumpulan Maludam selaku tuan rumah telah diadakan pada tahun ini bertempat di Dewan Serbaguna Maludam. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Sapiah Drahman, Ketua PBB Wanita N28 Lingga. Seramai 250 orang hadir bagi menyokong program ini.

PROGRAM PENIAGA BIJAK DAN DUTI SETEM 17 JULAI 2025



PPWS Cawangan Sri Aman telah menghadiri Program Peniaga Bijak dan Duti Setem anjuran Sri Aman Digital Innovation Hub, SDEC dengan kerjasama LHDN, Sri Aman

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KABONG, SARIKEI DAN JAKAR 22 JULAI 2025



Perkumpulan Kampung Pasir Panas telah menganjurkan Program Lawatan Sambil Belajar Ke Kabong, Sarikei dan Jakar. Seramai 41 orang ahli telah mengikuti program tersebut.

LAWATAN KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SARATOK 19 JULAI 2025



Lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Saratok anjuran bersama empat (4) Perkumpulan iaitu Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Bunga Raya dan Kampung Hulu Saratok. Seramai 30 orang ahli telah mengikuti lawatan tersebut.

AKTIVITI SUKANEKA DAN MALAM KEBUDAYAAN 26 JULAI 2025



Perkumpulan Kampung Pangkat telah mengadakan aktiviti sukaneka dan malam kebudayaan anjuran bersama KRT Kampung Pangkat di Padang Futsal, Kampung Pangkat.

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH 20 JULAI 2025 LINGGA, SARATOK



Perkumpulan Kampung Pangkat telah menghadiri Kursus Pengurusan Jenazah anjuran HIKMAH Ranting Lingga di Masjid Al-Hanna, Lingga. Seramai 5 orang ahli telah mengikuti kursus tersebut.

PROGRAM PKDMOBILE BATANG LUPAR 26-27 JULAI 2025



Perkumpulan Kampung Pusa telah menyertai Program PKDMOBILE Batang Lupar anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di Dataran Tandang Sari, Pusa. Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Rubiah Binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah. Seramai 20 orang ahli telah mengikuti program tersebut.

PROGRAM SAMBUTAN HARI WANITA SARAWAK (HW25)



Program Sambutan Hari Wanita Sarawak (HW25) anjuran Pejabat Daerah Kabong telah dihadiri oleh ahli-ahli PPWS dari enam (6) buah Perkumpulan iaitu Kampung Sungai Endot Kabong, Kampung Hilir Kabong, Kampung Hulu Kabong, Kampung Baru Kabong, Kampung Muroh dan Kampung Alit pada 2 Ogos 2025. Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah berkenaan isu dadah dan isu kesihatan mental dan Pertandingan Andaman.



Program Sambutan Hari Wanita Sarawak (HW25) anjuran Pejabat Daerah Betong telah dihadiri oleh Perkumpulan Kampung Baru Betong pada 2 Ogos 2025. Antara aktiviti yang diadakan ialah sesi ceramah daripada AADK, aktiviti Senam Sihat dan aktiviti Cabutan Bertuah.

SAMBUTAN JUBLEE PERAK MPOB 2 OGOS 2025



Pertandingan Menganyam ketupat dan seloroh sempena Sambutan Jubilee Perak MPOB anjuran MPOB Sessang telah dihadiri oleh Perkumpulan Kampung Melango Baru, Kampung Melango Lama, Kampung Bunga Raya dan Kampung Hulu Saratok di Perkarangan Pejabat MPOB, Saratok.

KURSUS PENJAGAAN WARGA EMAS 15-16 OGOS 2025 SRI AMAN, SARAWAK



PPWS Cawangan dan Daerah Sri Aman telah mengikuti Kursus Penjagaan Warga Emas anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak di Hotel Seri Simanggang. Seramai 8 orang ahli telah menghadiri kursus tersebut.

PROGRAM NGELAKAR SENI 16 OGOS 2025 BETONG, SARAWAK



Perkumpulan Kampung Baru Betong dan Kampung Tengah Betong telah mengikuti Program Ngelakar Seni anjuran Pejabat Residen Bahagian Betong Dan Majlis Seni Sarawak di Dewan Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan Betong. Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Residen Betong, Encik Hamdan Bin Katang.

PROGRAM MERDEKA RIDE 17 OGOS 2025



Program Merdeka Ride telah diadakan anjuran bersama Perkumpulan Kampung Melango Lama, Kampung Hulu, Kampung Melango Baru dan Kampung Bunga Raya dan Komuniti Madani Kampung Melango Baru di Gelanggang bola tampar, Saratok. Program ini telah dirasmikan oleh SAO Saratok, Encik Hata Bin Adenan. Seramai 40 orang ahli telah mengikuti program tersebut. Program ini bertujuan untuk meraikan Hari Kemerdekaan dengan menyatupadukan semua ahli tidak kira bangsa atau agama dan memupuk semangat perpaduan cintakan negara.

PROGRAM MICROSOFT AI FOR MY FUTURE 19-20 OGOS 2025



Program Microsoft AI For My Future anjuran Sri Aman Digital Innovation Hub telah dihadiri oleh dua (2) orang ahli PPWS. Sepanjang dua (2) hari program tersebut, para peserta dapat belajar mengenai Data Analisis dan menemui bagaimana AI boleh mengubah strategi jualan dan pemasaran untuk mengoptimumkan operasi perniagaan.

PERTANDINGAN MASAKAN ETNIK TRADISI DAN PERTANDINGAN MEWARNA SEMPERA BULAN KEMERDEKAAN 24 OGOS 2025



Pertandingan Masakan Etnik Tradisi dan Pertandingan Mewarna Sempena Bulan Kemerdekaan anjuran bersama PPWS Daerah Saratok dan PPWS Cawangan Sri Aman telah diadakan bertempat di Masjid Al-Muhtadin Saratok. Program ini telah diserikan lagi dengan kehadiran EXCO PPWS Cawangan Sri Aman, Hajah Masnah Binti Haji Ramli dan Hajah Hamdiah Haji Mat.



Tempat pertama telah dimenangi oleh Puan Jamaah Binti Awi dari Perkumpulan Kampung Sungai Endot Kabong dengan menu Umai Empirang dan Bubur Leluwai.



Tempat Kedua telah dimenangi oleh Puan Ramlah dari Perkumpulan Kampung Sessang dengan menu Sayur Keladi Masak Lemak Dan Linut.



Tempat Ketiga dimenangi oleh Puan Rosna Binti Rahman dari Perkumpulan Kampung Melango Baru dengan menu Kalur Tulang Sapi.

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 31 OGOS 2025



Program Sambutan Hari Kemerdekaan telah diadakan anjuran Perkumpulan Sungai Daun dengan kerjasama JKKK Rumah Kunjang Kampung Sungai Daun Maludam. Seramai 15 orang ahli telah mengikuti program tersebut. Program ini diadakan untuk memupuk perpaduan dan semangat cintakan negara bersama semua ahli penduduk kampung.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN JIWA KOMUNITI MADANI 1 SEPTEMBER 2025



Program Jiwa Komuniti Madani dan Sambutan Hari Kebangsaan 2025 anjuran Perkumpulan Kampung Sessang dengan kerjasama Komuniti Madani Kampung Sessang bertempat di Padang SK Abang Moh Sessang. Seramai 200 orang telah hadir menyertai program tersebut. Program ini bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dalam komuniti setempat dan menyemai nilai kesepakatan dalam komuniti.

PERARAKAN MAULIDUR RASUL



**Perkumpulan Kampung Sessang
5 September 2025**



**Perkumpulan Kampung Sungai Endot Kabong, Perkumpulan
Kampung Hulu, Perkumpulan Kampung Hilir dan Perkumpulan
Kampung Muruh
5 September 2025**



**Perkumpulan Kampung Alit
5 September 2025**



**Perkumpulan Kampung Tengah Betong
13 September 2025**

PENTAS GEMA GAYA KOMUNITI 2025 17 SEPTEMBER 2025



Perkumpulan Kampung Sessang telah menganjurkan Program Pentas Gema Gaya Komuniti di Dewan Ibnu Khaldun SK Abg Sessang. Seramai 200 orang ahli PPWS termasuk masyarakat setempat yang mengikuti program tersebut. Program ini diadakan untuk mengeratkan perpaduan dalam komuniti dan menyemai nilai kesepakatan dalam komuniti.



Pengisian program pada malam itu ialah Pertandingan Ratu Kebaya, Pertandingan Nyanyian Dan Pertandingan Tarian.

KURSUS KNOW YOUR RIGHTS 2-3 OKTOBER 2025 SRI AMAN, SARAWAK



PPWS Cawangan Sri Aman dan Perkumpulan Simanggang Town telah mengikuti Kursus Know Your Rights Siri 1/2025 anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak di Dewan Suarah Sri Aman. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendidikan mengenai hak-hak mangsa dalam isu wanita dan keluarga selain jenis perlindungan yang termaktub dalam undang-undang.

PROGRAM HI-TEA AND GLOW TIME 5 OKTOBER 2025



PPWS Cawangan Sri Aman telah menghadiri Program Hi-Tea and Glow Time anjuran Haruman Putih HQ di Hotel Seri Simanggang. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan produk kecantikan dan meningkatkan kesedaran penjagaan diri kaum wanita.

PROGRAM KESEDARAN KANSER PAYUDARA SEMPENA BULAN KESEDARAN KANSER 11 OKTOBER 2025



Program Kesedaran Kanser Payudara sempena menyambut Bulan Kesedaran Kanser telah diadakan anjuran PPWS Daerah Saratok dengan kerjasama Persatuan Kumpulan Sokongan Pink Ribbon Sarawak di Dewan AL-Aziz, Masjid AL-Muhtadin, Saratok. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Netty Kumari, Timbalan Pengerusi Cawangan Sri Aman. Program ini bertujuan untuk memberi informasi berkenaan cara-cara mengesan penyakit kanser payudara di peringkat awal dan mendengar perkongsian pengalaman daripada bekas pesakit kanser.

BENGKEL MEMBUAT GELANG MANIK 11 OKTOBER 2025 SRI AMAN, SARAWAK



Bengkel Membuat Gelang Manik Loom anjuran PPWS Daerah Sri Aman telah diadakan di Bangunan PPWS Sri Aman. Puan Mary Ramping merupakan tenaga pengajar untuk bengkel tersebut. Seramai 9 orang ahli telah menyertai program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta seni kraftangan masyarakat setempat dan memupuk minat dan kreativiti dalam kalangan peserta terhadap seni tangan yang bernilai untuk warisan budaya.

**KURSUS SAYANGI DIRI
8 NOVEMBER 2025
SRI AMAN, SARAWAK**



PPWS Cawangan Sri Aman menghadiri Kursus Sayangi Diri anjuran Perkim Cawangan Sri Aman di Dewan Suarah Sri Aman. Program ini bertujuan untuk membentuk individu yang lebih seimbang dari segi personaliti, mental dan fizikal serta mampu menghargai diri secara menyeluruh.

**SESI PENERANGAN OLEH JABATAN
PENDAFTARAN PERTUBUHAN
NEGERI SARAWAK (ROS)**



**Perkumpulan Maludam, Beladin dan Pusa
9 November 2025**

**AKTIVITI TEKNIK URUTAN TANGAN DAN
MEMBUAT GELANG MANIK 'LOOM'
23 NOVEMBER 2025**



Aktiviti Membuat Gelang Manik dan Aktiviti Teknik Urutan Tangan anjuran Perkumpulan Kampung Pasir Panas telah diadakan di Anjung Merpati dan dihadiri oleh 20 orang ahli.



Puan Mary Ramping merupakan tenaga pengajar sedang membimbing seorang ahli membuat gelang manik 'loom'.



**Daerah Saratok
16 November 2025**



**Cawangan Sri Aman
22 November 2025**

MAJLIS SILATURAHIM ASTANA NEGERI SARAWAK BERSAMA NGO 4 DISEMBER 2025 KUCHING, SARAWAK



Pengerusi Cawangan Sri Aman, Puan Lela Binti Ain bersama Bendahari dan Pengelola Cawangan Sri Aman menghadiri Jemputan Majlis Silaturahmi ASTANA Negeri Sarawak bersama NGO di Dewan Santapan, Astana Negeri Sarawak. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara pihak Astana Negeri Sarawak dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan menghargai peranan dan sumbangan NGO dalam pembangunan masyarakat

MAJLIS MAKAN MALAM CITRA WARISAN 6 DISEMBER 2025



Majlis Makan Malam Citra Warisan anjuran PPWS Cawangan Sri Aman telah diadakan di Hotel Seri Simanggang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Puan Sapiah Drahman, Ketua Wanita PBB N28 Lingga, mewakili Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah binti Haji Awg Sohor, ADUN N28 Lingga.

Turut hadir pada malam tersebut ialah Tuan Tay Cho Seng, Setiausaha Pertubuhan Meninggikan Akhlak Che Chuan Kor, serta Tuan Tiong Ging Chiong, Pengarah Chang Chung Tyres Sri Aman. Seramai 220 orang tetamu telah hadir memeriahkan majlis tersebut.



Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan tarian daripada Joyous Line Dance Hakka Association, yang juga merupakan ahli Perkumpulan Simanggang Town."



Simbolik penuh makna, Puan Sapiah Drahman mengimbas tangan di iPad sebagai gimik Video Perasmian Majlis Makan Malam Citra Warisan PPWS Cawangan Sri Aman.



Anugerah Busana Tema Citra Warisan telah dimenangi oleh Puan Siti Aminah dan Puan Chung Sak Lian, manakala Anugerah Paling Sporting telah dimenangi oleh Puan Maimunah Suhaili.

Majlis ini bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan nilai-nilai budaya serta warisan melalui tema Citra Warisan, serta menjadi platform bagi memperkukuh kerjasama dan jaringan antara ahli dengan rakan strategik.

**MAJLIS SAMBUTAN HARIJADI
19 DISEMBER 2025
RUMAH PUSAT SUMBER WANITA,
KAMPUNG PANGKAT**



Seramai 30 orang ahli telah memeriahkan majlis pada malam tersebut. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan memupok kerjasama berpasukan dalam kalangan ahli Perkumpulan Kampung Pangkat.

**MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS
ISLAM SARAWAK
20 DISEMBER 2025
SRI AMAN, SARAWAK**



Seramai 13 orang Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman dan Daerah Sri Aman menghadiri Majlis Perasmian Kompleks Islam Sarawak, Sri Aman. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Johari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

**DEMO MEMBUAT PUDING TEMBIKAI
20 DISEMBER 2025
SRI AMAN, SARAWAK**



Demonstrasi puding tembakai telah ditunjuk ajar oleh Puan Hamidah Binti Haji Muhammad yang berkongsi teknik asas penyediaan puding.

**LAWATAN MESRA DAN JALINAN KEMBALI
22 DISEMBER 2025
BANGUNAN PPWS SRI AMAN**



PPWS Cawangan Sri Aman telah menerima rombongan PPWS Daerah Sibu seramai 30 orang di Bangunan PPWS, Sri Aman. Objektif program ini ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli PPWS, memperkukuh jaringan kerjasama, serta bertukar pandangan dan pengalaman.



Perkumpulan Kampung Hilir Sri Aman telah mengadakan demo membuat puding tembakai di rumah Puan Hajah Jamayah Binti Yusuf. Seramai 20 ahli hadir dan program dirasmikan oleh KK Haji Jimi Bin Haji Peri. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli tentang cara dan teknik asas membuat puding tembakai dengan betul. Selain itu ia juga dapat meningkatkan kemahiran memasak dan kreativiti ahli dalam penyediaan pencuci mulut yang menarik.



Ketua rombongan, Puan Belkis binti Kipli selaku Pengerusi PPWS Daerah Sibu telah menyampaikan cenderamata kepada Puan Lela binti Ain, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman sebagai tanda kenang-kenangan.

MESYUARAT PERWAKILAN PPWS CAWANGAN SIBU/SARIKEI/KAPIT SESI 2025 -2026 20 JANUARI 2025 HOTEL LI HUA, SIBU



Mesyuarat Perwakilan PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit dihadiri Yang Berbahagia Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Abang Mustapa (EXCO PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2023-2024). Turut hadir ialah Puan Ummu Hani Junaidi (Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2023-2024). Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Setiausaha Eksekutif, Puan Hajah Rhohanniza Amika dan Pengelola Cawangan, Puan Maimunah Yusuf. Puan Anni Hashimah binti Sulaiman telah dipilih sebagai Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit. Tahniah kepada Jawatankuasa PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2025-2026, semoga terus berkerjasama dalam membangunkan komuniti wanita dalam PPWS.

MAJLIS MAKAN MALAM 'JASAMU DIKENANG' 20 JANUARI 2025



Seramai 180 orang ahli PPWS telah menghadiri Majlis Makan Malam 'Jasamu Dikenang'. Majlis diadakan untuk memberi penghargaan kepada AJK PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2023-2024. Turut hadir ke Majlis Makan Malam tersebut ialah Yang Berbahagia Datin Mary Masing dan Puan Hajah Dayang Mustapa (Exco PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2023-2024). Majlis diserikan dengan persembahan dari setiap Daerah dalam PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit.

AKTIVITI MEMASAK BUBUR PEDAS KAPIT, SARAWAK 25 FEBRUARI 2025



Aktiviti ini diadakan dengan kerjasama Perkumpulan Kampung Baru dan Jawatankuasa PPWS Daerah Kapit. Ahli-ahli bergotong-royong menyediakan persiapan untuk memasak bubur pedas. Turut hadir ke program ini ialah Puan Evelyn, Pengerusi PPWS Daerah Sarikei. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim bersama ahli-ahli PPWS di daerah Kapit.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PPWS CAWANGAN SIBU/SARIKEI/KAPIT SIBU, SARAWAK 13 MAC 2025



Majlis Berbuka Puasa bersama AJK Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit serta ahli-ahli telah diadakan sempena bulan Ramadan. Turut hadir ialah EXCO PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit, Puan Ummu Hani Junaidi serta Pengerusi PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit, Puan Anni Hashimah Sulaiman. Majlis ini adalah aktiviti tahunan yang diadakan oleh PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit. Ahli hadir dengan membawa juadah yang dimasak dari rumah untuk dikongsi bersama.

**PROGRAM JALINAN KASIH DIHATI RAMADAN
PPWS DAERAH SIBU
16 MAC 2025**



Program ini diadakan untuk memberi sumbangan raya dan agihan bubur pedas telah kepada golongan anak yatim dan orang kurang berkemampuan. Program ini telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Sibu dengan kerjasama Perkumpulan Teku 2. Di samping itu, Pengerusi PPWS Daerah Sibu, Puan Belkis Kipli mengucapkan terima kasih atas kerjasama setiap AJK PPWS Daerah Sibu dan ahli-ahli dari Perkumpulan yang sudi hadir dan mengumpul sumbangan ikhlas untuk menjayakan program ini.

**MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI 2025
SIBU, SARAWAK
19 APRIL 2025**



Majlis Ramah Tamah telah diadakan di Bangunan PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit. Seramai 180 orang hadir termasuk Yang Berbahagia Datin Mary Masing, Puan Ummu Hani Junaidi dan Puan Hajah Salemah Chali. Pelbagai juadah disediakan serta beberapa persembahan ditunjukkan oleh setiap wakil Daerah PPWS yang hadir. Program seperti ini adalah yang pertama sekali dianjurkan oleh PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit.

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PPWS 2025 ANJURAN
PPWS DAERAH SARIKEI
SARIKEI, SARAWAK
4 MEI 2025**



Pengerusi PPWS Daerah Sarikei, Puan Lau Siew Ming bersama lebih kurang 200 orang ahli hadir memeriahkan sambutan Hari PPWS yang bertempat di Bangunan PPWS Daerah Sarikei. Turut hadir ialah Mantan EXCO PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit iaitu Yang Berbahagia Datin Mary Masing dan Pengelola PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit, Puan Maimunah Yusuf. Jamuan dihidang secara potluck.

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PPWS ANJURAN
PERKUMPULAN TEKU 2
SIBU, SARAWAK
11 MEI 2025**



Majlis Sambutan Hari PPWS anjuran Perkumpulan Teku 2 telah diadakan di Bangunan PPWS Bahagian Sibu/Sarikei/Kapit. Turut hadir ialah Puan Anita Abdul Rahman, Pengerusi Perkumpulan Teku 2. Seramai 20 orang ahli hadir dalam majlis tersebut.

**NATIONAL TRAINING WEEK (NTW) - HRDCORP:
SESI PEMBELAJARAN ISAM
MAKANAN ETNIK MELANAU
BELAWAI, SARAWAK
31 MEI 2025**



Sesi pembelajaran Isam Makanan Etnik Melanau telah dihadiri seramai 50 orang ahli. Kelas ini diajar oleh seorang Chef dari Iftitah Resort & Cafe Belawai. Chef juga sudi mengajar masakan tambahan untuk menu seperti Cucur Bubuk, Leluai Sagu dan Pipus.

PERTANDINGAN ULAMAN DI PESTA DARO 30 JULAI 2025



Seramai 30 orang peserta menyertai Pertandingan Masakan Ulaman yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Daro. Penganjuran kali ini berkolaborasi dengan Majlis Daerah Daro. Turut hadir bagi memberi sokongan ialah Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Haji Zawawi, Parlimen P207 Igan.

SAMBUTAN MAULIDURASUL BAHAGIAN SIBU 6 SEPTEMBER 2025 SIBU, SARAWAK



Seramai 50 orang ahli PPWS Daerah Sibu telah menyertai Perarakan Maulidur Rasul yang diadakan di Dataran Tuanku Bujang, Sibu. Tahniah diucapkan kepada PPWS Daerah Sibu kerana memenangi Pertandingan Sepaduk di tempat ke-2.

PERANCANGAN STRATEGIK PPWS SESI 2025- 2026 CAWANGAN SIBU/SARIKEI/KAPIT 5 OGOS 2025 SIBU, SARAWAK



Perancangan Strategik PPWS Sesi 2025-2026 telah diadakan bertempat di Bangunan Bahagian Sibu/Sarikei/Kapit. Tujuan perancangan strategik ini dibuat untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran PPWS di Cawangan ini diuruskan secara teratur. Turut hadir ialah EXCO Cawangan, Puan Ummu Hani Junaidi sebagai tenaga pengajar. Seramai 50 orang ahli hadir termasuk Ahli Jawatankuasa Perkumpulan yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

SESI MESYUARAT JAWATANKUASA PPWS CAWANGAN SIBU/SARIKEI/KAPIT 15 NOVEMBER 2025 SIBU, SARAWAK



Sesi Mesyuarat Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Bil. 3/2025 telah dipengerusikan oleh Puan Anni Hashimah. Jawatankuasa PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit menghargai kehadiran dan sokongan EXCO PPWS Cawangan iaitu Puan Ummu Hani Junaidi dan Puan Hajah Salemah Chali hadir ke mesyuarat ini. Mesyuarat ini diadakan untuk memaklumkan berkenaan dengan pendaftaran eROSES di peringkat Cawangan, Daerah Dan Perkumpulan dan proses pengisian data seperti yang diarahkan oleh peringkat Induk.

MAJLIS MAKAN MALAM AMAL SEMPENA ULANG TAHUN KE-63 PPWS DAERAH SARIKEI 1 NOVEMBER 2025 SARIKEI, SARAWAK



Majlis Makan Malam Amal Sempena Ulang Tahun Ke-63 PPWS Daerah Sarikei telah dihadiri oleh Pengerusi Negeri PPWS, Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail. Pada malam itu, Puan Lau Siew Ming adalah Pengerusi Pengerusi JK Pengelola Majlis Makan Malam Amal merangkap Pengerusi PPWS Daerah Sarikei. Seramai lebih kurang 1,000 orang hadir memberi sokongan kepada majlis ini.

AKTIVITI PPWS CAWANGAN MIRI/BINTULU

KELAS BUBUR CHA-CHA DAN KUIH CARA MANIS 9 JANUARI 2025 BALAI RAYA KAMPUNG DANAU, BEKENU

Perkumpulan Danau telah mengadakan Kelas Membuat Bubur Cha-cha dan Kuih Cara Manis. Bubur dan kuih ini dijual kepada penduduk sekitar dan pendapatan hasil dari jualan ini digunakan untuk menganjurkan aktiviti Perkumpulan



Ahli sedang membuat demonstrasi Kuih Chara



Ahli-ahli bekerjasama membuat bebola pulut untuk Bubur Cha-Cha

MAJLIS MESRA JAWATANKUASA PPWS DAERAH MIRI/LUTONG 10 JANUARI 2025 RESTORAN CHA CHA, MIRI

PPWS Daerah Miri/Lutong mengadakan Majlis Mesra untuk Jawatankuasa Sesi 2023-2024 dan Jawatankuasa baru bagi sesi 2025-2026. Turut hadir adalah Pengerusi Cawangan Miri/Bintulu, Puan Siti Aminah Ismail dan Pengelola Cawangan PPWS Miri/Bintulu, Puan Sofiani Usop



Jawatankuasa baru dan lama PPWS Daerah Miri/Lutong

SFWI CARE & SHARE PPWS DAERAH BINTULU/TATAU 1 FEBRUARI 2025 BANGUNAN PPWS, BINTULU

PPWS Daerah Bintulu/Tatau turun padang dalam menghulur sumbangan kepada mangsa yang terjejas bencana banjir di Bintulu



Ahli PPWS bekerjasama mengumpul sumbangan untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir



Ahli-ahli PPWS melawat ke tempat penempatan sementara mangsa banjir di Bintulu untuk menyantuni mangsa-mangsa banjir

TOWNHALL MYCHAMPION 26 APRIL 2025 MECURE HOTEL MIRI

Menghadiri Townhall MyChampion anjuran KKM di Hotel Mercure, Miri. PPWS Cawangan Miri/Bintulu diwakili oleh Pengelola PPWS Cawangan, Puan Sofiani Usop; Timbalan Pengerusi Cawangan, Puan Siti Aminah Ismail; Timbalan Pengerusi PPWS Daerah Miri/Lutong, Puan Warzedia Ahmad; dan ahli PPWS Bintulu/Tatau, Puan Razuna Kiprawi.



Ahli-ahli PPWS dan Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu menghadiri bengkel 'MyChampion' anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia



Para peserta bengkel tekun mendengar taklimat dari penceramah

**PROGRAM “BERSAMA SELALU” PERKUMPULAN LABANG
01 MEI 2025
KAMPUNG KUALA LABANG, BINTULU**



Ahli-ahli PPWS menikmati jamuan makan tengah hari setelah bergotong-royong menyediakan juadah



Walaupun tinggal di kawasan pendalaman, tidak menghalang ahli Perkumpulan Labang, Bintulu terus aktif dan memajukan diri melalui aktiviti yang dianjurkan di bawah PPWS

**SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-60 PPWS CAWANGAN MIRI/BINTULU
5 JULAI 2025
KEMENA PLAZA HOTEL**

Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-60 PPWS Cawangan Miri/Bintulu telah diadakan bertemakan "Shine Bright Like A Diamond". Majlis ini dihadiri lebih daripada 500 orang ahli PPWS. Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak). PPWS Cawangan Miri/Bintulu turut menghargai sumbangan para penaja yang menjayakan majlis tersebut.



Yang Berhormat Datuk Rosey binti Haji Yunus bersama tetamu lain seperti Dato Norhyati Hj Ismail, Puan Hajah Hasimah Wahab, Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu dan wakil daripada Bintulu Port Sdn Bhd



Rombongan ahli PPWS dari Miri dan Bekenu merakamkan gambar kenangan bersama Pengerusi Negeri, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail; Pengerusi Cawangan Miri/Bintulu, Puan Hajah Hasimah Wahab; dan Pengelola Cawangan Miri/Bintulu, Puan Sofiani Usop



Sesi memotong pulut kuning sempena simbolik Sambutan Ulang Tahun Ke-60 PPWS Cawangan Miri/Bintulu



Ahli-ahli PPWS yang hadir menggayakan pakaian tradisional bagi memeriahkan lagi majlis



Persembahan nyanyian oleh adik Julius dengan nyanyian Shine Bright Like A Diamond bagi menghiburkan para tetamu

PROGRAM AGIHAN BANTUAN BANJIR
23 JUN 2025
PPWS DAERAH MIRI/LUTONG

PPWS Daerah Miri/Lutong menyampaikan bantuan banjir kepada ahli yang terjejas banjir. Sumbangan diterima daripada Exco Cawangan dan juga ahli-ahli PPWS melalui Tabung SFWI Share and Care.



Pengerusi PPWS Daerah Miri/Lutong, Puan Halifah Mohamad bersama Timbalan Pengerusi Cawangan Miri/Bintulu, Puan Siti Aminah Ismail menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir



Bantuan turut diagihkan kepada PPWS Marudi dan sumbangan disampaikan kepada wakil PPWS Marudi

LAWATAN KE MUZIUM KEK LAPIS
SITI PAYUNG MIRI
17 JUN 2025
PERKUMPULAN BRIGHTON, MIRI

Rombongan ahli dari Perkumpulan Brighton mengadakan lawatan ke Muzium Kek Lapis Siti Payung. Rombongan diketuai oleh Pengerusi Perkumpulan, Puan Warzedea Ahmad



Ahli-ahli tekun mendengar penerangan pihak Muzium Kek Lapis Siti Payung



Pengerusi Perkumpulan Brighton, Puan Warzedea Ahmad mencuba membuat kek lapis "roll"

NATIONAL TRAINING WEEK - HRDCORP:
DEMOSTRASI MEMBUAT SERABEI
15 JUN 2025
PERKUMPULAN GARTAK, MIRI



Puann Fauziah Karim, selaku tenaga pengajar sedang menerangkan bahan-bahan yang digunakan membuat Serabei



Peserta bergambar bersama wakil daripada HRD Corp selaku penganjur bersama program ini

PERTANDINGAN MASAKAN ETNIK SEMPERA PROGRAM JIWA@KOMUNITI MADANI 17 JULAI 2025 BANGUNAN PPWS MIRI

Program Pertandingan Masakan Etnik telah diadakan sempena Program Jiwa@Komuniti Madani di mana program ini adalah anjuran bersama DUN N.74 Pujut. Turut diadakan ialah Perkongsian Ilmu Pengacaraan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Bahagian Miri.

Tahniah kepada Puan Dayang Luyah, Ahli PPWS Perkumpulan Kampung Gartak Miri kerana telah menjuarai Pertandingan Masakan Etnik Sarawak bertempat di Bangunan PPWS Miri. Penceramah untuk Sesi Perkongsian Bidang Pengacaraan telah disampaikan oleh Puan Hajah Razi Kassim. Turut diadakan ialah demonstrasi membuat kuih serabei oleh Puan Hajah Fauziah Karim, Timbalan Pengerusi Perkumpulan Kampung Gartak.



Pengerusi PPWS Daerah Miri/Lutong menyampaikan Ucapan Aluan



Tetamu Kehormat meninjau ke meja peserta yang menyertai Pertandingan Masakan Etnik Sarawak



Antara salah seorang pemenang Pertandingan Masakan



Ketua Jabatan Penerangan Daerah Miri menyampaikan cenderamata kepada Tetamu Kehormat disaksikan oleh Ayahanda Temenggung Haji Abang Mohamad Datuk Abang Othman; Pemancha Miri, Haji Ujut Bin Abdul Rahman; dan Pengerusi PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Puan Hajah Hasimah binti Wahab

MAJLIS KESYUKURAN SEMPERA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-30 BANGUNAN PPWS BINTULU & SAMBUTAN PRA-KEMERDEKAAN MALAYSIA 2025 20 OGOS 2025 BANGUNAN PPWS BINTULU



Ahli-ahli memotong pulut kuning sebagai simbolik sambutan



Jawatankuasa Pengelola Program yang bertungkus-lumus memastikan program berjalan lancar



Ahli ahli PPWS Bintulu/Tatau yang hadir memeriahkan program

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PPWS CAWANGAN MIRI/BINTULU 31 OGOS 2025 (MIRI) 6 SEPTEMBER 2025 (BINTULU)



Exco PPWS Cawangan Miri /Bintulu menyampaikan taklimat tentang perancangan Strategik PPWS kepada ahli-ahli PPWS



Exco PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Pengerusi Cawangan Miri/Bintulu dan Pengerusi-Pengerusi Daerah merakam gambar kenangan bertempat di Bangunan PPWS Miri



Ahli-ahli PPWS Bintulu / Tatau yang menghadiri Bengkel Perancangan Strategik di Bintulu



Bengkel Perancangan Strategik PPWS di Bintulu dikendalikan oleh Pengerusi Cawangan Miri/Bintulu, Puan Hajah Hasimah binti Wahab

TAKLIMAT PENDAFTARAN E-ROSES PPWS BINTULU/TATAU 10 NOVEMBER 2025 BANGUNAN PPWS BINTULU

Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu memberi taklimat berkenaan tempoh pelaksanaan pendaftaran e-ROSES untuk Bahagian, Daerah dan Perkumpulan kepada ahli-ahli PPWS di Bintulu



Ahli ahli PPWS Bintulu/Tatau yang hadir di sesi taklimat e-ROSES di bangunan PPWS Bintulu



Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu, Puan Sofiani Usop sedang memberi penerangan kepada salah seorang ahli PPWS, Puan Dyg Sa'adah tentang penyediaan Minit Mesyuarat

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPERA ULANGTAHUN KE-60 PPWS LUTONG 12 DISEMBER 2025 HOTEL MEGA, MIRI



Pengerusi Negeri, Dato Hajah Norhyati bt Haji Ismail; Exco PPWS Miri/Bintulu, Puan Hilda Mesen Mayor dan Tuan Kamarul Affendi (mewakili YB Dato Sri' Hajah Nancy Syukri) bersama Dato Ursula Goh, Puan Hajah Hajah Hasimah Wahab, Puan Saripah Zuraidah Wan Hill dan Puan Hajah Rasiah



Tetamu Kehormat, Tuan Kamarul Affendi bersama Ahli Jawatankuasa PPWS Lutong

HARI KELUARGA PPWS DAERAH BINTULU/TATAU 11 DISEMBER 2025 BANGUNAN PPWS BINTULU



Pengerusi PPWS Daerah Bintulu/Tatau, Puan Hajah Zainab binti Mat sedang memberi ucapan aluan



Salah seorang ahli mengambil acara dalam aktiviti sukaneka



Barisan ahli yang hadir memeriahkan Program Hari Keluarga



Tetamu dari Pertubuhan NGO yang hadir memeriahkan majlis makan malam



Dato Ursula Goh, Penasihat Perkumpulan Lutong menerima Anugerah Jasamu Dikenang sempena sambutan Ulang Tahun Ke-60 Perkumpulan Lutong pada malam itu



Pengerusi Perkumpulan Lutong, Puan Saripah Zuraidah bersama Ahli Jawatankuasa Perkumpulan Lutong



Antara para tetamu yang hadir memeriahkan majlis makan malam

AKTIVITI PPWS CAWANGAN LIMBANG/LAWAS

PROGRAM MESRA PPWS DAERAH LAWAS 10 FEBRUARI 2025



Demo membuat bakul (Lakar)



Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya ialah Senamrobik, Pemeriksaan Kesihatan, Pertandingan Gubahan Bunga Kawat, Pertandingan Puding, Pertandingan Masakan Variasi Nasi, Pertandingan Mewarna, Sukaneka, Demo Membuat Lakar (Bakul), Demo Menganyam Ketupat dan Demo Sulaman Benang



Puan Jut bt Jinin (kiri) membantu rakan PPWS cara-cara menganyam ketupat

KELAS ASAS TEKUYUNG BURIE 1 APRIL 2025

Objektif program ini diadakan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mempelajari sesuatu yang baru.



Perkumpulan Rumah Senggat, Limbang telah mengadakan Kelas Asas Tekuyung Burie melibatkan seramai 40 orang ahli PPWS



Hasil kraftangan Burie oleh ahli-ahli PPWS Rumah Senggat



Puan Rozana ak. Bunkong, Pengerusi Perkumpulan Rumah Siad Limbang telah menunjukkan cara membuat Burie

MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI SEMPENA LAWATAN PENGUSAHA WANITA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE LIMBANG 25 APRIL 2025 PEJABAT PPWS LIMBANG



Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Limbang telah menyantuni ahli Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri



Puan Hajah Hammah binti Puasa, Ketua Rombongan Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam (tengah) menandatangani buku lawatan pelawat dan diiringi oleh Puan Hajah Dayang Suridah bt Haji Mohd Superi, Pengerusi PPWS Daerah Limbang (kanan) dan Puan Lily Chong, Timbalan Pengerusi PPWS Daerah Limbang (kiri)

**MAJLIS RAMAH TAMAH HARI RAYA AIDIL FITRI
PPWS DAERAH LAWAS BERSAMA PENGUSAHA
WANITA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
25 APRIL 2025**



Yang Berhormat Henry Sum Agong, Ahli Parlimen P.222 Lawas menyampaikan cenderamata kepada Puan Hajah Hammah Binti Puasa, Ketua Rombongan Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam

**KEJOHANAN BADMINTON
BERGU WANITA PPWS
12 JULAI 2025
LAWAS, SARAWAK**



Seramai 52 orang peserta ahli PPWS telah menyertai perlawanan Badminton Bergu Wanita anjuran PPWS Daerah Lawas

**NATIONAL TRAINING WEEK - HRDCOPR:
BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN "BIJAK
BELANJA, HIDUP SEJAHTERA"
24 MEI 2025
PEJABAT PPWS LIMBANG**



Ceramah Pengurusan Kewangan "Bijak Belanja, Hidup Sejahtera" telah disampaikan oleh Puan Dyg Hafizatul Nadia Binti Suhaili, Penasihat Jualan Runcit, Bank Rakyat Limbang (depan kiri) dan Ceramah Pengurusan Kewangan "Aset vs Hutang" telah disampaikan oleh Puan Fariyana binti Ajmain, Pembantu Kanan Pembangunan Masyarakat, Pembangunan Desa Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Limbang (depan tengah). Turut hadir, Puan Jamillah binti Haji Pangkat, Timbalan Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas (kanan depan).

**KELAS MEMBUAT BUNGA MATAHARI
20 JULAI 2025**



Seramai 15 orang ahli Perkumpulan Kampung Pangi Lawas telah menyertai Kelas Membuat Bunga Matahari dari Kawat Bulu

**SUMBANGAN IKHLAS PPWS DAERAH LAWAS
25 MEI 2025**



Puan Rusnih binti Yusuf, Penasihat PPWS Daerah Lawas telah menyampaikan sumbangan kepada Puan Norjanah Binti Saring, ahli PPWS yang ditimpa musibah rumah dihempap pokok. Turut hadir, Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Daerah Lawas serta Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Lawas



Puan Saoyah binti Apong menunjukkan cara membuat bunga matahari daripada kawat bulu

**DEMO MEMBUAT KACANG BEREMPAH ANJURAN PERKUMPULAN KAMPUNG PAHLAWAN
23 JULAI 2025
LIMBANG, SARAWAK**



Puan Juliano binti Othman menunjukkan cara-cara membuat kacang berempah



Ahli PPWS Kampung Pahlawan Limbang telah diberi peluang untuk mencuba sendiri cara untuk menyediakan kacang berempah

**HARI SINERGI PPWS 2025
1 SEPTEMBER 2025**



Puan Fariyana binti Ajmain, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas (kanan) menyampaikan cenderamata kepada YBhg. Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS. Turut hadir ke program ini ialah Puan Hajah Dayang Suridah binti Haji Mohd Superi, Pengerusi PPWS Daerah Limbang (kiri), Puan Hajah Jemilah Matasan (tengah kiri) dan Puan Hajah Hamimah Hasbullah (tengah kanan), Exco PPWS Cawangan Limbang/Lawas



Lawatan Pengerusi Negeri PPWS ke tapak pameran kraftangan yang dihasilkan oleh Puan Rosita Landun ak. Nitih (ahli Perkumpulan Rumah Senggat Limbang)



Pengerusi Negeri PPWS menyantuni ahli PPWS yang menyertai Pertandingan Mewarna Kategori Warga Emas 60 tahun ke atas



Puan Roseta Jamil, ahli Perkumpulan Kampung Buangsiol Limbang sedang menghias gubahan tuala sempena Pertandingan Gubahan Tuala pada Hari Sinergi PPWS 2025



Sesi Dialog bersama Pengerusi Negeri PPWS dan Exco PPWS Cawangan Limbang/Lawas di Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa & Pengerusi Perkumpulan PPWS Daerah Limbang



PERTANDINGAN MASAKAN ETNIK SARAWAK 1 SEPTEMBER 2025 LIMBANG, SARAWAK



Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada ahli PPWS Daerah Limbang telah menyertai Pertandingan Masakan Etnik Sarawak di Perkarangan Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ZON A BATANG SUNGAI PPWS DAERAH LIMBANG 1 SEPTEMBER 2025



Zon A: PPWS Daerah Limbang yang terdiri daripada 10 buah Perkumpulan telah mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik seperti Pertandingan Masakan Ayam, Pertandingan Gubahan Kain Batik, pameran & jualan produk PPWS, persembahan tarian dan deklamasi puisi

PERTANDINGAN BERZANJI DAN ZIKIR MARHABAN SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1447H 3 - 4 SEPTEMBER 2025



Pertandingan Zikir Berzanji & Marhaban dan Pertandingan Qasidah sempena Sambutan Maulidur Rasul 1447H di Stadium Tertutup Lawas anjuran PPWS Daerah Lawas bersama Lembaga Amanah Kebajikan Akhirat Islam (LAKHIL) Lawas & Tabung Baitulmal Lawas



Persembahan daripada salah satu Perkumpulan PPWS yang ikut serta dalam Pertandingan Zikir Marhaban

**MINI FESTIVAL USAHANITA PPWS DAERAH LAWAS
11-14 SEPTEMBER 2025
LAWAS, SARAWAK**



Gimik Perasmian Mini Festival Usahanita PPWS Daerah Lawas oleh Yang Berhormat Henry Sum Agong, Ahli Parlimen P222 Lawas



Ucapan Aluan oleh Puan Suryah Jinin, Pengerusi PPWS Daerah Lawas sempena Sambutan Mini Festival Usahanita PPWS Daerah Lawas



Lawatan Yang Berhormat Henry Sum Agong (tengah) ke tapak pameran Usahanita Wanita PPWS Daerah Lawas dan diiringi oleh Puan Sahbah Sisa (kiri) dan Puan Suryah Jinin (kanan)



Pertandingan Gubahan Bunga dari Kawat Bulu merupakan antara pertandingan yang mendapat sambutan penyertaan ramai dari Daerah Lawas

**DEMO MEMBUAT KUIH BULAN DAN
KUIH TANG YUAN
22 SEPTEMBER 2025
LIMBANG, SARAWAK**



Seramai 31 orang ahli PPWS Sakura Limbang telah menyertai Demo Membuat Kuih Bulan & Kuih Tang Yuan bertempat di Full House Pabahanan

**GLAMOROUS GALA NIGHT
ANJURAN PPWS SAKURA
6 NOVEMBER 2025
LIMBANG, SARAWAK**



Puan Alice Ngu telah mendapat tempat Johan bagi Pertandingan "Fashion Show" anjuran PPWS Perkumpulan Sakura. Hadiah disampaikan oleh Puan Fariyana binti Ajmain, Pengerusi PPWS Cawangan Limbang/Lawas (tengah).

Puan Lily Chong merupakan Pengerusi Pengelola Majlis Makan Malam "Glamorous Gala Night" (ketiga dari kiri). Turut hadir ialah Puan Hajah Dayang Suridah binti Haji Mohd Superi, Pengerusi PPWS Daerah Limbang (kedua dari kanan), Puan Hajah Masnah binti Haji Mohd Arshad, Ketua Rombongan Persatuan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam, Puan Salbiah Abdullah, Bendahari KOPERWANIS dan Puan Hajah Kamariah Haji Harmi, Ahli Dilantik PPWS.